


Jilid 1  
Bil. 81



Hari Rabu  
2hb November, 1983

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**

*Sixth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 11513]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 [Ruangan 11550]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1984 [Ruangan 11550]**

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI  
DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.,  
D.U.N.M., (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri  
DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.  
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO  
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerajara, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,  
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K., (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH  
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N., (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'  
AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,  
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH  
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu  
Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHOONG HON NYAN, P.S.M.,  
J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,  
P.P.T (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S., (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,  
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI  
BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tauran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE EIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW Poh Kheng *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIM CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RAZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUD LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).

- Yang Berhormat TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID. P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Rabu, 2hb November, 1983

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Tuan Yang Dipertua mem-  
perurusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAANPENGANGGURAN—KADAR  
KENAIKAN AKIBAT  
KEMEROSOTAN EKONOMI

**1. Dato' Michael Chen Wing Sum** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada keadaan kemerosotan ekonomi ini 'telah mengakibatkan kadar pengangguran meningkat, dan jika ya, apakah kadar pengangguran sekarang dan jumlah orang yang menganggur kini dan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran ini.

**Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien):** Tuan Yang Dipertua, pemulihan ekonomi yang perlahan akibat kemerosotan ekonomi dunia yang berterusan dalam tiga tahun yang lepas memang ada memberi kesan terhadap kadar pengangguran di negara kita.

Mengikut Laporan Ekonomi Tahun 1983/1984 kadar pengangguran dianggarkan akan bertambah dari 5.2% pada tahun 1982 kepada 6% pada tahun 1983 ataupun seramai 337,300 orang dari jumlah tenaga buruh negara kita.

Bagi mengatasi masalah pengangguran ini, Kementerian saya mengadakan perkhidmatan penempatan

pekerjaan yang percuma untuk pencari-pencari kerja. Perkhidmatan ini diberi melalui 52 Pejabat Tenaga Rakyat yang terletak di merata tempat di negara kita. Walau bagaimanapun tidak semua dari jumlah penganggur yang tampil ke hadapan untuk mendaftar nama mereka untuk mendapatkan pekerjaan.

Bilangan pendaftar-pendaftar yang aktif setakat 31hb Ogos, 1983 adalah seramai 71,224 orang. Selain dari itu Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian saya juga menjadikan khidmat nasihat kepada pencari-pencari kerja melalui Unit Bimbingan Kerjaya. Pegawai-pegawai pekerjaan dari Jabatan tersebut sentiasa mengadakan lawatan-lawatan ke sekolah-sekolah dan Persatuan Belia untuk memberi ceramah mengenai panduan kerjaya termasuk penerangan mengenai peluang-peluang pekerjaan dan latihan yang sedia ada.

Kerajaan juga menyediakan latihan perindustrian untuk para lepasan sekolah dan belia-belie negara kita dan di institusi-institusi latihan di bawah Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Kementerian saya sendiri. Kemahiran yang mereka perolehi melalui latihan ini akan meningkatkan lagi peluang-peluang untuk mendapat pekerjaan.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan akan mendirikan lebih banyak institusi-institusi latihan perindustrian untuk melatih belia-belie kita.

**Dato' Saidin bin Haji Mat Piah:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa kadar pengangguran pada tahun 1982/1983 ialah lebih kurang 6% atau 337,000 orang. Saya ingin bertanya, adakah mereka ini yang berjumlah 337,000 terdiri daripada satu golongan sahaja iaitu dari golongan buruh kasar ataupun terdapat juga penganggur-penganggur dari pekerja mahir atau separuh mahir.

**Datuk William Lye Chee Hier:** Tuan Yang Dipertua, bukan satu golongan, tetapi mengikut bahagian-bahagian di bawah Kementerian saya dan ini adalah terbahagi kepada 7 bahagian.

**Tuan Daud bin Dato Haji Taha:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri pengangguran juga disebabkan oleh kerana kemerosotan ekonomi. Jadi bolehkah saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah jumlah yang terlibat disebabkan oleh penutupan syarikat-syarikat ataupun kilang-kilang dan berapakah jumlah syarikat-syarikat dan kilang-kilang terlibat yang telah ditutup.

Yang kedua soalan saya ialah, bukan semua pengangguran ini disebabkan oleh kerana ketiadaannya pekerjaan, tetapi oleh sebab kerana ada mereka sengaja memilih kerja, jadi dari segi ini berapakah jumlah pekerjaan yang patut boleh didapatkan kepada mereka, tetapi terpaksa diambilalih oleh buruh-buruh asing.

**Datuk William Lye Chee Hien:** Tuan Yang Dipertua, untuk menjawab soalan pertama Yang Berhormat itu, jumlah bilangan di bawah pekerja pengeluaran atau kilang-kilang mengikut bahagian di Kementerian saya ialah di bawah bahagian

pengeluaran dan berkaitan, operator kemudahan pengangkutan dan buruh adalah sejumlah 24,813 orang pada bulan Ogos ini.

Untuk menjawab soalan kedua, kebanyakan pengangguran ini adalah seperti Yang Berhormat kata itu ialah oleh kerana kebanyakan mereka itu terlampau memilih pekerjaan, jadi kami mengalami sedikit kesukaran untuk menempatkan mereka.

Saya tidak dapat menjawab soalan akhir itu oleh kerana kami tidak ada satu angka yang tetap.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu sektor ekonomi yang manakah yang terlibat yang paling teruk sekali dari pengalaman yang tersebut, dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu rancangan faedah pengangguran pada masa hadapan.

**Datuk William Lye Chee Hien:** Tuan Yang Dipertua, seperti saya jawab di jawapan asal saya tadi Kerajaan memang sudah ada menyiarkan latihan perindustrian melalui sekolah-sekolah perindustrian yang disediakan oleh berbagai Kementerian termasuk juga Kementerian Buruh.

**Tuan Fung Ket Wing:** Soalan tambahan. Sama ada kadar pengangguran telah naik kerana kegagalan Kerajaan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan juga kerana pendatang-pendatang haram Indonesia yang ada di sini telah menafikan rakyat kita peluang-peluang pekerjaan.

**Datuk William Lye Chee Hien:** Tuan Yang Dipertua, saya rasa tambahan kekurangan pekerjaan ini ialah oleh sebab kemelesetan ekonomi kita bukanlah oleh kerana kemasukan pelarian atau pendatang haram.

Tadi saya pun ada menjelaskan belia-belua kami ada yang terlampau memilih kerja, jadi itu adalah satu sebab kadar pengangguran kita tinggi sedikit.

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan penghabisan.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Soalan tambahan. Adakah sebab di antaranya pengangguran yang berlaku itu akibat daripada penghijrahan anak-anak muda kampung kita ke bandar dalam mencari pekerjaan. Itukah yang menyebabkan banyaknya berlaku pengangguran selain daripada sebab-sebab kemelesetan ekonomi sekarang ini.

**Datuk William Lye Chee Hien:** Mungkin ada satu sebab begitu tetapi kebanyakannya adalah oleh kerana kemelesetan ekonomi dan juga sikap memilih oleh belia-belua kita.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

*(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Sim Kwang Yang tidak hadir).*

### KILANG PELURU— PENGELUARAN

3. **Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Pertahanan menyatakan sejauh mana kemajuan yang dicapai dalam pembuatan kilang peluru dan adakah Kerajaan merancang hendak membuat senjata-senjata ringan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang Dipertua dalam tempoh masa sepuluh tahun yang lalu kapasiti pengeluaran peluru, iaitu oleh sebuah syarikat tempatan telah meningkat sebanyak 200%. Buat masa ini Kerajaan sedang merancang untuk mengeluarkan Senapang Tempur dan pelaksanaan

projek ini akan memakan masa sebab buat masa ini rancangan ini masih dalam peringkat kajian.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri telah menerangkan dalam tempoh sepuluh tahun keadaan syarikat ini telah meningkat sampai 200%.

Saya ingin bertanya apakah jenis-jenis peluru dibuat, adakah semua peluru-peluru senjata yang digunakan di negara kita ataupun hanya peluru senapang patah sahaja.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang Dipertua, Syarikat Malaysia Explosives (SME) telah ditubuhkan pada tahun 1969 untuk mengeluarkan peluru berkeliber kecil bagi kegunaan angkatan tentera dan polis. Syarikat ini telah memulakan pengeluaran peluru 7.62 milimeter pada tahun 1972; pada tahun 1976 pengeluaran peluru 5.56 milimeter telah dikeluarkan.

Selaras dengan penambahan keperluan peluru oleh angkatan tentera dan polis SME telah menambahkan kapasiti pengeluarannya. SME sekarang mempunyai tiga mesin 5.56 milimeter yang dapat mengeluarkan 48 juta butir peluru setahun; dua mesin 7.62 milimeter yang dapat mengeluarkan 32 juta butir peluru setahun dan satu mesin 9 milimeter yang dapat mengeluarkan 16 juta butir peluru setahun.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, bolehkah Timbalan Menteri memberitahu adakah peluru-peluru ini dikeluarkan dieksportkan. Kalau ada, bolehkah Timbalan Menteri memberitahu nilai-nilai yang dieksportkan.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang Dipertua, kita belum lagi mengeksportkan peluru-peluru yang dikeluarkan oleh SME setakat ini.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri selain daripada kilang peluru itu, adakah pihak Kerajaan bercadang mengadakan satu Defence Industry secara besar-besaran.

**Tuan Yang Dipertua:** Pada fikiran saya soalan itu tidak bersangkutan.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan kepada Timbalan Menteri Pertahanan, adakah peluru buatan Malaysia yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan tadi adakah sama mutu peluru yang dibawa daripada luar negeri yang diimport ke negara kita ini dan sebagaimana yang dinyatakan adakah ura-ura pesanan dari luar negeri untuk membeli peluru kita.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang Dipertua, dari segi mutu saya telah difahamkan bahawa pengeluaran peluru kalau tidak silap saya satu daripada 3 jenis peluru yang dikeluarkan itu kualiti dia lebih elok daripada jenis-jenis kita beli daripada luar negeri dan ada rancangan Kerajaan untuk mengeksportkan peluru ini ke negara asing.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Matang, soalan penghabisan.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri Pertahanan sedar bahawa sudah banyak negara-negara di Benua Asia termasuk beberapa buah negara-negara ASEAN seperti Indonesia dan

Singapura sedang dan akan memulakan mendirikan kilang-kilang senjata sama ada senjata ringan atau berat iaitu dengan mengadakan perjanjian atau joint-venture dengan perusahaan-perusahaan membuat senjata dari negara-negara Eropah.

Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah negara kita Malaysia ini telah ataupun sedang membuat sesuatu persediaan ataupun satu White Paper dalam masalah senjata untuk angkatan bersenjata kita walaupun kita tidak bertujuan hendak berperang dengan mana-mana negara.

**Tuan Yang Dipertua:** Pada fikiran saya soalan itu tidak bersangkutan dengan soalan asal.

#### MARA—SKIM INSURAN PELAJARAN

**4. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilakah MARA akan memulakan skim insuran pelajaran bagi membantu ibu bapa untuk membiayai pelajaran anak mereka dengan ibu bapa membuat simpanan dengan MARA dan adakah skim ini akan bermula sebaik-baik sahaja anak itu mula sekolah dalam darjah satu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang Dipertua, Yayasan Pelajaran MARA memang bercadang untuk mewujudkan satu skim pembiayaan pelajaran menerusi Skim Insuran Pelajaran ataupun menabung sambil belajar. Secara ringkas skim yang dicadangkan ini terbuka kepada semua ibu bapa untuk menyertainya sebagai salah satu langkah persediaan kewangan bagi kepentingan anak-anak mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi.

bebas serta bertambahnya kesedaran para pengguna, pengilang-pengilang akan sewajarnya memberikan perhatian terhadap mutu keluaran mereka.

**Tuan Daud bin Dato Haji Taha:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah benar barang-barang yang dikeluarkan oleh negara kita lebih bermutu apabila barang-barang itu dieksport daripada barang-barang yang dijual di dalam negara ini kerana memandangkan barang-barang itu boleh dibeli dengan murah di sini, tetapi lebih mahal di luar negeri. Saya selalu pergi ke Singapura dan membeli barang dan dapati barang itu buatan Malaysia.

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya sedar ada barang-barang di luar negeri murah jika dibandingkan dengan negara kita nampaknya disebabkan volume eksport lebih daripada negara ini sendiri, sebab itulah harga barang-barang kadang-kadang murah di luar negeri.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa kekurangan pakar-pakar di dalam membantu pengusaha-pengusaha tempatan adalah merupakan salah satu sebab mengapa barang-barang keluaran tempatan ini bermutu rendah. Dengan itu Kerajaan berhasrat untuk menarik pakar-pakar daripada luar negeri bagi membantu pengusaha-pengusaha tempatan ini. Soalannya berapa orangkah atau berapakah bilangan pakar-pakar luar negeri yang telah dibawa masuk ke dalam negara ini bagi membantu pengusaha-pengusaha tempatan ini sehingga kini dan di dalam bidang apa.

Soalan yang kedua, Tuan Yang Dipertua, saya rasa perusahaan batek adalah juga merupakan barang-barang keluaran tempatan. Adakah Kerajaan menyekat kemasukan kain batek Jawa iaitu batek sarung ini dapat meninggikan mutu keluaran batek tempatan. Jika tidak, apakah langkah-langkah lain yang boleh dilaksanakan untuk meninggikan mutu perusahaan batek tempatan ini.

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang Dipertua, tentang soalan yang pertama saya minta supaya Yang Berhormat memberi notis. Berkenaan soalan yang kedua, saya ingat soalan itu luar daripada soalan asal.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Bolehkah Timbalan Menteri memberi tahu bilakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan peraturan-peraturan supaya barang-barang tempatan khususnya di bidang makanan dimestikan meletakkan tarikh habis tempoh (expiry date) bagi tiap-tiap pembalut untuk menjamin mutu-mutu makanan itu adalah dikekalkan.

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan expiry date bagi makanan, itu bukan di bawah Kementerian Perdagangan, itu di bawah Kementerian Kesihatan. (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Penghabisan.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah benar batek-batek buatan daripada Pantai Timur ataupun Kelantan itu rendah mutunya?

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang Dipertua, tidak benar (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Cantik-cantik, molek-molek belaka (*Ketawa*).

**BARANG KELUARAN  
TEMPATAN—JAMINAN  
MUTU**

**7. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kawalan-kawalan yang diambil oleh Kementerian beliau untuk menjamin mutu barang-barang keluaran tempatan setanding dengan barang-barang yang diimport dari luar negeri memandangkan sungutan orang ramai kerana barang tempatan telah dihasilkan dengan kualiti dan mutu yang rendah.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya memberikan perhatian yang berat terhadap mutu keluaran barang-barang tempatan. Antara langkah-langkah yang diambil ke arah pencapaian mutu yang tinggi ialah penelitian yang rapi di peringkat awal semasa menimbangkan permohonan untuk mendapatkan Lesen Pengilangan. Kepakaran pemohon serta proses pengeluarannya adalah di antara bidang yang diteliti sebelum lesen diluluskan. Sekiranya cadangan yang dikemukakan itu tidak memuaskan, permohonan untuk mendapatkan lesen pengilangan lazimnya ditolak.

Sementara itu, Kementerian saya juga menapis permohonan dari pengilang-pengilang tempatan untuk mendapatkan kepakaran dari luar negeri, sama ada dari rakan usahasama asing projek berkenaan atau dari pembekal-pembekal bebas. Bekalan kepakaran ini biasanya adalah dalam bentuk perjanjian pengurusan dan perjanjian bantuan teknikal dan kejuruteraan. Sehingga bulan Jun, 1983 ini sebanyak 711 perjanjian berkenaan telah ditandatangani oleh syarikat-syarikat tempatan dengan syarikat-syarikat luar negeri. Tujuan utama perjanjian

tersebut ialah untuk membekalkan kepakaran kepada syarikat tempatan untuk meningkatkan keupayaannya bagi mengeluarkan barang-barang yang bermutu dengan kos yang berpatutan.

Sukacita saya menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa pada masa ini Kementerian saya juga ada melaksanakan kawalan mutu barang-barang keluaran tempatan secara tidak langsung di bawah beberapa Akta yang dikuatkuasakan oleh Kementerian saya. Umpamanya di bawah Akta Perihal Dagangan 1972, terdapat peruntukan undang-undang yang menghendaki setiap perihal dagangan yang digunakan untuk memperihalkan barangan mestilah merupakan perihal dagangan yang tepat dan tidak palsu. Dengan wujudnya peruntukan seperti ini, Kementerian saya akan sentiasa dapat menyekat dan membenteras pihak yang tidak bertanggungjawab yang mengeksploitasi orang ramai dengan barang-barang tiruan yang rendah kualiti dan mutunya. Dengan terkawalnya pembuatan dan pemasaran barang-barang tiruan, pengguna-pengguna akan dapat dibekalkan dengan barang-barang tulin yang bermutu hasil keluaran daripada pengilang-pengilang yang sah dan bertanggungjawab.

Di samping langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian saya, agensi-agensi Kerajaan yang lain juga seperti Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) mengendalikan berbagai aktiviti ke arah pencapaian mutu keluaran barang-barang tempatan yang tinggi.

Para pengilang juga mempunyai kepentingan untuk mengeluarkan barang-barang yang bermutu untuk mempertahankan serta meluaskan pasarannya. Dengan adanya persaingan yang terdapat di pasaran

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang Dipertua, jumlah wang tunai terkumpul oleh PETRONAS pada 30hb September, 1983 ialah \$6,166 juta. Jumlah ini merupakan tabung modal yang disimpan dalam simpanan jangka masa pendek di dalam dan juga di luar negeri yang akan matang dalam tempoh setahun. Dari jumlah ini, lebih kurang 31% atau \$1,887 juta disimpan di luar negeri dalam berbagai mata kewangan dengan institusi-institusi kewangan yang diluluskan. Pulangan dari pelabuan ini adalah terjamin oleh kadar faedah yang tetap yang diperolehi pada masa penyimpanannya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Oleh kerana sudah menjadi pengetahuan orang ramai bahawa wang PETRONAS ada terlibat dalam pinjaman-pinjaman Bumiputra Malaysia Finance di Hongkong bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apa angka wang PETRONAS yang ada terlibat dalam pinjaman-pinjaman BMF dan apa kerugian akan dihadapi oleh PETRONAS daripada skandal-skandal pinjaman BMF.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang Dipertua, PETRONAS tidak ada melabur di BMF Hongkong.

**Tuan Chan Kok Kit:** Soalan tambahan. Mengapakah kelulusan wang minyak ini tidak dilaburkan di dalam negara sendiri? Dan sama ada benar wang minyak PETRONAS telah dipinjamkan kepada sumber-sumber dan bank-bank lain?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang Dipertua, dalam jawapan asal saya tadi ada mengatakan di dalam dan di luar negeri, institusi-institusi kewangan. Kita melaburkan mengikut

kadar yang lebih membawa faedah yang seberapa tingginya kepada kita, sama ada dalam dan luar negeri.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri wang tunai sebanyak \$6,000 juta lebih itu bank manakah yang dilaburkan oleh pihak PETRONAS dan adakah pihak PETRONAS bercadang untuk melaburkan wang sebanyak itu ke dalam Bank Islam?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang Dipertua, matawang-matawang yang digunakan oleh PETRONAS untuk melabur ialah Dollar Amerika Syarikat, Deutchmark, Yen, Swiss Franc dan Pound Sterling. Institusi-institusi kewangan dalam negeri yang saya katakan diluluskan itu ialah Bank Bumiputera Malaysia Berhad, London dan Malayan Banking Berhad, London.

Mengenai dengan soalan yang kedua itu, ini PETRONAS mahupun Kerajaan, akan pertimbangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Rantau Panjang, soalan penghabisan.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah daripada hasil pelaburan yang dibuat oleh pihak PETRONAS di luar ataupun di dalam negeri itu pihak Jawatankuasa ataupun yang bertanggungjawab dengan pelaburan ini mengkaji keuntungan ataupun kerugian sekurang-kurangnya setiap 6 bulan sekali ataupun setahun sekali?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang Dipertua, kalau perlu kita kaji setiap hari.

Pihak Yayasan Pelajaran MARA pada masa ini masih lagi berada di peringkat perancangan awal iaitu untuk menentukan syarat, peraturan serta cara-cara pelaksanaan skim ini supaya ianya berjalan dengan lancar dan memberi sumbangan yang berkesan apabila dilancar nanti.

Apabila mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian skim ini akan dilaksanakan pada awal tahun 1984, insya Allah.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, Timbalan Menteri tadi telah menerangkan bahawa memang ada ura-ura Kerajaan untuk mengadakan skim pelajaran menerusi MARA dan sedang di dalam perancangan awal.

Saya ingin bertanya di dalam perancangan ini bagaimanakah jika terdapat wang-wang yang dicarumkan oleh ibu bapa ini katalah umpamanya berlebihan dan tidak lagi diperlukan sampai kepada suatu ketika bolehkah wang-wang itu dikeluarkan balik dengan mudah.

**Tuan Yang Dipertua:** Macam insuran, apabila matured, dapat baliklah. Tidak payahlah Timbalan Menteri menjawab.

#### LORI ANGKATAN TENTERA— MEMBAIKI KEROSAKAN

**5. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kenderaan-kenderaan lori angkatan Tentera yang rosak dihantar ke bengkel-bengkel kepunyaan swasta untuk diperbaiki. Jika sedar, adakah Tentera kita dewasa ini kekurangan alat-alat baik-pulih lori-lori tersebut atau tentera kita kekurangan kakitangan yang berpengalaman di bidang baik-pulih kenderaan mereka sendiri.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya memang sedar tentang terdapatnya kenderaan-kenderaan angkatan tentera yang rosak dihantar ke bengkel-bengkel swasta. Keadaan ini berlaku bukanlah kerana bengkel-bengkel angkatan tentera tidak mempunyai cukup alat ganti serta tidak berkemampuan untuk membuat kerja-kerja pembaikan. Tetapi memandangkan dalam keadaan-keadaan tertentu, bengkel-bengkel angkatan tentera sering menghadapi beban kerja yang tinggi dan tidak dapat menampung kerja-kerja pembaikan yang diperlukan dalam satu masa yang serentak. Juga terdapat kerosakan kenderaan berlaku di kawasan di mana tidak terdapatnya bengkel angkatan tentera yang berdekatan, maka bengkel awam terpaksa digunakan.

Masalah kekurangan alat ganti dan kakitangan bengkel tidak timbul, kerana dalam hampir setiap pembaikan yang dibuat di bengkel swasta alat gantinya disediakan oleh pihak angkatan tentera. Dari segi kakitangan bengkel, pihak angkatan tentera sentiasa berusaha menyediakan kakitangan yang terlatih dan berpengalaman dengan secukupnya. Latihan-latihan teknikal diberikan dari masa ke semasa untuk meningkatkan taraf kemahiran mereka sejajar dengan keperluan Angkatan Tentera.

#### PETRONAS—JUMLAH WANG TUNAI TERKUMPUL

**6. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah wang tunai terkumpul oleh PETRONAS pada akhir September 1983, jumlah yang dilabur keluar negeri dan bentuk pelaburan tersebut dan sama ada pelaburan-pelaburan itu memungkin-kan keuntungan yang terjamin.

negara. Setakat ini hasil daripada pelaksanaan sistem buku daftar di kawasan-kawasan tersebut telah menampakkan kejayaan iaitu telah dapat mengesan dengan segera kejadian-kejadian penyelewengan subsidi di kawasan-kawasan itu.

Umpamanya, di kawasan Sungai Baru, Kedah. Pihak LPN telah menahan pembayaran subsidi yang melibihi daripada yang sepatutnya seperti mana tercatat di dalam buku daftar. Perkara-perkara ini sedang dalam siasatan LPN. Hanya pesawah-pesawah yang sebenarnya berhak sahaja telah mendapat subsidi dan dengan tidak melebihi daripada kadar yang sepatutnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyelewengan subsidi yang dimaksudkan oleh Ketua Pengarah LPN dalam kenyataan akhbarinya pada 9hb September, 1983 ialah tindakan-tindakan yang merupakan kecuaiian oleh sebilangan kecil pegawai-pegawai dan kakitangan subsidi LPN di dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Kecuaiian mereka itu telah menyebabkan pihak-pihak lain seperti pengilang, pelesen, orang tengah dan pesawah yang tidak berhak mengambil kesempatan untuk melakukan penyelewengan bagi mendapatkan subsidi.

Di antara kes-kes penyelewengan yang dilakukan ialah pengilang tidak membuat catatan lengkap belian padi mengikut peraturan dan perkara ini telah tidak disemak oleh kakitangan LPN menyebabkan nilai subsidi dibayar lebih dari sepatutnya dan juga pelesenan mendapatkan subsidisi ke atas jumlah padi pesawah dengan berpakat menggunakan nama pesawah lain yang menerima sogokan. Kakitangan yang melakukan penyelewengan tersebut telah dikenakan tindakan dengan menamatkan perkhidmatan mereka.

Berkenaan dengan kes tidak amanah, ini adalah kes ke atas kakitangan subsidi LPN yang meminda nilai kopon selepas bayaran kepada pesawah bagi membolehkan pembayaran dibuat kepada diri sendiri, mengeluarkan kopon berdasarkan bil yang telah dibatalkan oleh pengilang ataupun menggunakan wang subsidi. Bagi kes-kes tidak amanah ini pihak LPN telah memajukan kepada pihak polis dan juga Badan Pencegah Rasuah dan perkhidmatan mereka ditamatkan. Kedudukan kakitangan telah diambil tindakan tatatertib atas sebab-sebab penyelewengan dan tidak amanah adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Dibuang Kerja</i>
1981 .. .. .	3
1982 .. .. .	3
1983 .. .. .	2

Dan dalam tahun 1983, 3 masih dalam siasatan.

Bagi mengatasi masalah penyelewengan subsidi itu, LPN telah mengambil beberapa langkah untuk mengemaskan lagi kawalan ke atas skim subsidi tersebut. Antara langkah itu ialah pihak penguatkuasa LPN di tiap-tiap negeri telah mengatur beberapa program kawalan dan langkah mencegah fizikal seperti rondaan di waktu malam, pemeriksaan mengejut ke atas pusat-pusat belian dari masa ke semasa di samping mengemaskan sistem penggunaan dokumen dan maklumat-maklumat dan sebagainya.

**Tuan Khadir bin Sabran:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai dakwaan, segelintir petani, iaitu mereka mendakwa dengan menyatakan bahawa subsidi padi Kerajaan katanya diambil balik

oleh Kerajaan iaitu Kerajaan memberi subsidi padi kepada petani dan apabila petani-petani ini menjual padi maka itu dikurangkan timbangannya. Jadi, setakat manakah benarnya dakwaan segelintir petani-petani ini.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang Dipertua, dakwaan itu tidak betul sama sekali kerana mungkin apa yang dimaksudkan ialah bila padi itu dijual kepada LPN ataupun pembelian-pembeli yang disahkan oleh LPN, maka potongan-potongan dibuat ke atas padi iaitu dari segi beratnya. Potongan-potongan ini memang lazim dibuat mengikut peraturan kerana kita mengambil kira wap basah yang ada dalam kandungan padi, kandungan jerami dan sebagainya, mungkin dakwaan mereka ialah kadangkala katanya potongan itu lebih sedikit tetapi mengikut siasatan kita memang bila dibuat potongan itu patut lebih kalau padi itu basah sangat misalnya. Jadi, inilah yang selalu dipertikaikan, tidak bermaksud Kerajaan memotong dengan sewenang-wenangnya sahaja, tidak.

#### RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT—PELAKSANAAN

**9. Tuan Daud bin Dato' Haji Taha** minta Perdana Menteri menyatakan kesan-kesan buruk yang menjejaskan Perlaksanaan Rancangan Malaysia Ke-4 disebabkan oleh kemelesetan ekonomi negara. Setakat kajian pertengahan penggal, adakah Kerajaan berpuas hati dengan perbelanjaan yang telah dibelanjakan jika dibanding dengan projek-projek yang telah dapat dilaksanakan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, kemelesetan ekonomi negara pada umumnya telah menjejaskan pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat. Secara keseluruhan, ekonomi negara berkembang pada

kadar 9.1% setahun mengikut harga semasa untuk tempoh 1981-1983 berbanding dengan matlamat Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 14.0% setahun.

Perkembangan perbelanjaan sektor swasta yang menjadi asas kepada pertumbuhan ekonomi di bawah Rancangan Malaysia Keempat hanya berkembang pada kadar 10.2% setahun berbanding dengan matlamat sebanyak 23.4% setahun.

Seterusnya kemelesetan juga telah menjejaskan perkembangan eksport negara. Untuk tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat, hasil eksport hanya berkembang pada kadar 5.5% setahun berbanding dengan matlamat sebanyak 17.4% setahun. Secara khusus, eksport bahan-bahan utama seperti getah dan bijih timah merosot pada kadar 7% setahun dan 13.6% setahun. Perkembangan-perkembangan ini telah memberi kesan buruk kepada hasil Kerajaan di mana ianya telah berkembang pada kadar 9.2% setahun berbanding dengan matlamat Rancangan sebanyak 13.1% setahun.

Keadaan ini telah merumitkan kedudukan kewangan sektor awam oleh kerana dalam keadaan hasil yang berkembang secara perlahan, Kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan yang lebih besar bagi memastikan perkembangan ekonomi yang sempurna. Dalam hubungan ini, kurangan keseluruhan sektor awam meningkat dari \$8,112 juta dalam tahun 1980 kepada \$12,600 juta dalam tahun 1981. Keadaan ini memaksa Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan perbelanjaan pembangunan sektor awam. Untuk tempoh tahun 1982-1983, perbelanjaan pembangunan sektor awam telah dikurangkan pada kadar 5.9% setahun iaitu mencapai tingkat \$13,077 juta dalam tahun 1982 dan \$12,313 juta dalam tahun 1983.

Langkah-langkah ini perlu dilaksanakan semata-mata untuk menjaga kesetabilan ekonomi negara.

Pengurangan-pengurangan ini sudah tentu menjejaskan pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Keempat. Kesan-kesan yang lebih terperinci sedang diteliti di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat dan sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum Kajian ini akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada bulan Mac, 1984 nanti.

Persoalan mengenai sama ada Kerajaan berpuashati dengan perbelanjaan yang telah dibelanjakan berbanding dengan projek-projek yang telah dapat dilaksanakan setakat ini, Kerajaan masih lagi mengkajinya secara terperinci. Hasil penelitian atau kajian ini juga akan dibentangkan nanti bersama-sama dengan hasil Kajian Separuh Penggal.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagaimana katanya tadi terdapat juga terjejasnya pelaksanaan projek-projek. Jadi adakah terdapat projek-projek yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat ini tergendala dan adakah projek itu akan terus ditinggalkan dalam keadaan tidak siap dan bagaimanakah projek itu akan diteruskan dengan keadaan-keadaan yang ada sekarang ini.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Sebagaimana yang saya katakan tadi kesan-kesan yang terperinci ke atas projek-projek itu sedang dikaji.

#### POLISI PENSWASTAAN

**10. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada polisi pengswastaaan akan bermakna bahawa orang-orang awam

akan lambat launnya membayar lebih bagi beberapa perkhidmatan seperti pengangkutan, kesihatan, telekom dan pembuangan sampah jika sekiranya perkhidmatan-perkhidmatan seperti ini ditukarkan kepada pihak organisasi-organisasi swasta dan sama ada ini akan menambahkan lagi inflasi akhirnya.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan akan terus bertanggungjawab memastikan bahawa khidmat-khidmat yang akan diswastakan tidak mengakibatkan timbulnya masalah-masalah besar kepada rakyat atau pengguna.

Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum kenaikan bayaran bagi perkhidmatan-perkhidmatan awam yang diberikan oleh Kerajaan memang berlaku dari semasa ke semasa dan rakyat mesti membayarnya jika mereka memerlukan perkhidmatan-perkhidmatan itu. Dalam hal ini memang ada kemungkinan kenaikan itu berlaku apabila ia diswastakan. Sektor swasta sendiri telah diberitahu kemungkinan timbulnya masalah-masalah dari kenaikan ini dan mereka bersama-sama Kerajaan, akan berusaha memastikan supaya ia tidak membebankan rakyat jika atau apabila ia berlaku.

#### POLIS JIMAT CERMAT

**11. Tuan Quah Wee Liam** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan bahawa Kerajaan telah menjalankan polisi jimat cermat dalam masa Ekonomi Negara yang tidak berapa baik ini, adakah kesan-kesannya atas penanaman modal perusahaan luar dalam negara kita. Juga nyatakan polisi ini memperbaiki bayar hutang luar (External Balance of Payment) Negara kita.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang Dipertua, dalam usaha mengatasi kesan buruk akibat kemelesetan ekonomi antarabangsa, Kerajaan telah mengadakan strategi belanjawan yang bercorak berkembang (counter-cyclical dalam beberapa tahun yang lepas.

Walau bagaimanapun sepertimana yang telah diterangkan dalam Ucapan Belanjawan baharu-baharu ini langkah counter-cyclical ini tidak dapat diteruskan tanpa menjejaskan imbalan pembayaran negara dan kedudukan kewangan Kerajaan dan pertumbuhan ekonomi negara pada masa hadapan.

Justeru itu Tuan Yang Dipertua, Kerajaan telah mula mengambil langkah-langkah untuk berjimat cermat dan mengurangkan perbelanjaan sebanyak kira-kira \$3,000 juta dalam tahun 1982. Dan bagi tahun 1983 ini perbelanjaan pembangunan telah dihadkan kepada \$10.2 ribu juta. Sementara bagi tahun 1984 \$8.7 ribu juta.

Langkah-langkah jimat cermat ini adalah bertujuan supaya kita dapat memperbaiki dan memperkukuhkan lagi imbalan pembayaran negara dan memperkemas serta mengukuhkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, apabila kedudukan imbalan pembayaran dan kewangan Kerajaan kukuh dan kemas, keadaan ekonomi negara akan menjadi lebih baik dan dengan itu akan dapat menarik lebih banyak lagi pelabur-pelabur sama ada dari dalam ataupun luar negeri untuk menanam pelaburan mereka dinegeri kita ini.

Di samping itu langkah jimat cermat ini juga akan memastikan supaya kedudukan hutang luar negara dan imbalan pembayaran dapat diperbaiki lagi.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming.

*(Soalan No. 12 Y.B. Ling Sie Ming tidak hadir).*

### KEGIATAN SUBVERSIF MEMECAH—BELAHKAN ISLAM

**13. Wan Ibrahim Abdullah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah penyiasatan yang telah dilakukan bagi mengenal pasti orang-orang yang menjalankan kegiatan-kegiatan subversif bagi memecah-belahkan masyarakat Islam dalam negara ini dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi membasmi kegiatan ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memberi perhatian yang berat terhadap gejala-gejala yang berunsur keugamaan yang boleh membawa kepada perpecahan masyarakat Islam khususnya dan masyarakat majmuk Malaysia amnya yang boleh menjejaskan negara jika keadaan ini tidak dibendung.

Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (a) Perjumpaan dengan pihak-pihak yang terlibat untuk mencari persefahaman.
- (b) Pengawasan rapi terhadap segala kegiatan dan perkembangan yang berlaku dari masa ke semasa, termasuklah pengawasan di kawasan-kawasan yang berpotensi mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam.
- (c) Majlis dalog juga dianjurkan dengan masyarakat setempat bertujuan untuk menasihatkan mereka supaya sentiasa berwaspada terhadap hasutan dan dakyah yang boleh

## SISTEM PAS PEKERJA— PEKERJA SAWAH

**8. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) Adakah sistem-sistem buku pas pekerja-pekerja yang mengerjakan sawah menggantikan sistem kopon dalam subsidi padi yang sedang dicuba di beberapa kawasan di Kedah dan Kelantan telah menunjukkan kesan kejayaan. Jika ya, bilakah sistem ini akan diamalkan bagi keseluruhan kawasan jelapang padi di negara kita. Boleh Y.B. Menteri menerangkan faktor-faktor yang membuktikan sistem baru ini lebih praktikal lagi bagi mengelakkan penyelewengan jika dibandingkan dengan sistem kopon (sistem lama) itu; dan
- (b) seperti mana kenyataan Ketua Pengarah LPN di dalam Akhbar Awal bulan September 1983 yang lalu iaitu mereka yang menyeleweng telah pun disingkir atau ditukar. Bolehkah Y.B. Menteri menerangkan berapa ramai Pegawai dan kakitangan LPN yang telah disingkir atau dibuang kerja atau dikenakan hukuman-hukuman lain atas sebab-sebab penyelewengan, tidak amanah dan sebagainya.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang Dipertua, sebelum menjawab soalan Yang Berhormat itu, inginlah saya jelaskan sedikit iaitu mungkin apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu dengan sistem-sistem buku pas pekerja-pekerja yang mengerjakan sawah itu adalah sebenarnya penggunaan buku daftar pesawah di dalam pemberian subsidi harga padi yang sedang diuji pelaksanaannya oleh LPN.

Adalah dimaklumkan bahawa penggunaan buku daftar pesawah dalam pemberian subsidi harga padi yang telah diumumkan itu tidak menggantikan sistem kopon. Tujuan mengguna buku daftar pesawah ini adalah untuk memperkemarkan lagi kawalan dalam sistem pemberian kopon dengan menentukan bahawa pesawah-pesawah yang benar-benar mengusahakan sawah dan menjualkan hasil padi mereka sahaja yang menerima kopon subsidi. Di bawah sistem ini LPN dapat mengelakkan pihak-pihak yang tidak berhak daripada menerima subsidi. Buku daftar akan dikeluarkan kepada pesawah yang benar-benar mengusahakan sawah sama ada sawahnya sendiri ataupun menyewa dan menjualkan hasil padinya di pusat-pusat belian ataupun saluran pemasaran yang disahkan oleh LPN. Buku daftar dikeluarkan oleh LPN berdasarkan senarai pesawah yang berdaftar dengan LPN yang pula berasaskan kepada skim subsidi baja Kementerian Pertanian. Buku daftar tersebut diberi kepada pesawah pada awal musim padi di mana butir-butir seperti keluasan tanah yang diusahakan dan anggaran hasil padi diperolehi direkodkan di dalam buku tersebut. Dengan ini nilai kopon yang patut diterima oleh pesawah-pesawah dapatlah ditentukan.

Sebagai langkah permulaan sistem buku daftar telah dilaksanakan di Sungai Baru, Kedah yang melibatkan 356 orang pesawah. Ini adalah sebahagian daripada sebilangan 3,000 orang pesawah yang dirancang di Kedah dan Kelantan menjelang musim menanam yang akan datang ini. Hasil daripada percubaan sistem ini, penilaian akan dibuat mengenai kekesanannya dalam mengatasi masalah penyelewengan subsidi harga padi serta penilaian dari segi kelicinan pentadbirannya. Jika didapati sesuai, sistem ini akan dilaksanakan di seluruh

memporak-perandakan masyarakat, termasuklah kawasan-kawasan yang belum dijangkiti oleh gejala ini.

Tuan Yang Dipertua, setakat ini 4 orang telah dituduh di Mahkamah kerana melanggar Seksyen 298A Kanun Keseksaan dan akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu pada 19hb Disember, 1983.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:**

Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa Kerajaan memberi perhatian berat dan sebagai buktinya tindakan-tindakan telah diambil kepada mereka yang dianggap sebagai melakukan kegiatan subversif.

Jadi salah satu sebab yang disebutkan tadi ialah menghasut. Jadi saya ingin bertanya, adakah pihak Kerajaan akan mengambil tindakan kepada mereka yang cuba menyebarkan keset-keset yang di dalamnya mengandungi ucapan-ucapan yang menghasut daripada pihak-pihak yang tertentu.

Hari ini kita dapati ada terdapat pada teksi dan dalam motokar-motokar biasa di kampung-kampung, juga di surau-surau, di masjid-masjid, keset-keset yang mengandungi ucapan-ucapan yang berunsur menghasut rakyat.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:**

Tuan Yang Dipertua, setakat ini kita terpaksa mematuhi dengan Undang-undang yang ujud khususnya berhubung dengan Akta baharu, iaitu 298A tadi. Jadi tidak payah saya huraiakan lagi. Saya harap Yang Berhormat baca sendiri apa yang ternyata di dalam Akta yang tersebut.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat

Timbalan Menteri Dalam Negeri, adakah kegiatan pecah-belah di dalam masyarakat Islam disebabkan oleh terdapat pemimpin Islam yang alim dalam agama tetap tidak tahu ataupun boleh kita katakan jahil dalam masalah politik, ataupun mereka yang jahil dalam agama tetapi cuba bercakap fasal agama bagi tujuan politik mereka? Dan kalau didapati sebab-sebab itu apakah pihak Kementerian ini akan mengadakan kursus kepada mereka itu supaya dapat memahami masalah politik yang sebenarnya?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:**

Tuan Yang Dipertua, kita sebenarnya sekali-kali tidak ingin melihat penyebaran dakyah yang boleh meracuni pemikiran rakyat sehingga menimbulkan suasana purak puranda di dalam masyarakat kita. Dan kita selaku wakil rakyat janganlah hendaknya mengapi-apikan sesuatu yang boleh mencetuskan pergeseran kerana tujuan-tujuan yang tertentu. Kita sebenarnya sebagai wakil rakyat bukan sahaja berpelajaran tetapi mempunyai mandat untuk memandu rakyat ke arah kebahagiaan dan juga ke arah perpaduan dan perpaduan ini merupakan benteng.

Jadi saya rasa apa yang perlu bagi mereka yang bertanggungjawab yang memahami agama, hendaklah berpegangan teguh dengan ayat, satu lagi yang saya hendak sebutkan hari ini, minta izin, Tuan Yang Dipertua. Semalam saya tak minta izin, sekarang saya minta izin terlebih dahulu: "*Wama-ataa kumu' rosul fakhudzuhu wamanaha kum anhu fantahu*". Jadi apa yang dibawa oleh Nabi itu kita berpegang kemas-kemas dan apa yang dilarang oleh Nabi kita hendaklah kita menjauhinya.

Jadi saya rasa soal memecahbelahkan rakyat, soal menghasut rakyat, soal mencari sesuatu yang boleh menimbulkan rasa benci membenci di

antara satu sama lain itu, hendaklah kita elakkan sejauh-jauhnya. Jadi itulah tugas kita pada hari ini. Tak payahlah saya sebutkan lagi dengan lebih lanjut. Saya rasa ianya telah menjadi perkara yang difahami rakyat.

**Tuan Yang Dipertua:** Terima kasih di atas syarahan itu (*Ketawa*).

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa hanya dengan mengadakan dialog dengan ahli-ahli agama itu dapat mengatasi masalah ini? Dan apakah Yang Berhormat sedar bahawa setengah kalangan ada yang mengambil kesempatan memberi pengajaran yang menyeleweng tentang Islam pada tiap-tiap hari Jumaat di kebanyakan madrasah ataupun surau-sarau dalam negeri Kelantan dan Terengganu? Jadi saya ingin kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah dengan mengadakan dialog sahaja boleh menyelesaikan masalah ini?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, itu adalah satu daripada cara-caranya dan banyak cara-cara yang lain lagi dan Yang Berhormat sendiri boleh memainkan peranan itu. Keduanya berhubung dengan khutbah hari Jumaat, tak payah saya sebutkan. Saya telah katakan tadi, iaitu bahawa kita terpaksa berpegang dengan suruhan Allah s.w.t. Jadi ini sudah memadai. Janganlah kita melakukan sesuatu yang bercanggah dengan kehendak Islam, sebab balasan Allah memang teruk ke atas mereka yang tidak menjalankan tugas yang disuruh Allah (*Ketawa*).

**Tuan Yang Dipertua:** Baiklah, Ustaz.

## KAD PENGENALAN MERAH KEPADA PENDATANG HARAM

**14. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Dalam Negeri menjelaskan mengapa pendatang-pendatang haram Indonesia boleh memperolehi kad-kad pengenalan merah dalam jangka masa beberapa minggu sahaja selepas kemasukan mereka ke negeri ini dan kad-kad pengenalan biru selepas tiga hingga enam bulan selepas kemasukan mereka sedangkan isteri-isteri asing rakyat Malaysia tidak boleh memohon untuk mendapatkan taraf pemastautin tetap sehingga mereka telah menetap di Malaysia selama lima tahun dengan "pas lawatan sosial", dan sama ada Kerajaan akan memansuhkan kehendak "pas lawatan" lima tahun itu untuk isteri-isteri asing sebelum mereka boleh memohon untuk mendapatkan taraf pemastautin tetap.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, mereka yang memiliki kad pengenalan merah adalah terdiri daripada orang-orang asing yang telah masuk ke negara ini dengan menggunakan dokumen-dokumen perjalanan yang sah dan diberikan Permit Masuk setelah mereka berjaya dalam permohonan untuk mendapatkan kemudahan itu.

Setiap permohonan untuk mendapatkan Permit Masuk di bawah Undang-undang Imigresen yang berkuatkuasa sekarang adalah dipertimbangkan dengan teliti, adil dan saksama bagi memenuhi keperluan yang terkandung di dalam undang-undang berkenaan.

Kerajaan tidak memberi Permit Masuk atau kad pengenalan merah kepada mana-mana warganegara asing yang masuk ke negara ini secara haram. Sebaliknya Kerajaan akan tetap bertindak tegas terhadap mereka dengan cara mengesan, menangkap, mendakwa dan menghantar balik ke negara asal mereka.

Kad pengenalan biru hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja. Kerajaan sama sekali tidak mengeluarkan kad pengenalan biru kepada mana-mana pihak selain daripada mereka yang berhak untuk mendapatkan iaitu warganegara Malaysia.

Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan dasar yang dikuatkuasakan sekarang terhadap permohonan Permit Masuk untuk isteri-isteri asing kepada warganegara Malaysia.

**Tuan Peter Chin Gan Onn:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah rasionalnya di sebalik kehendak Kerajaan mengeluarkan pas lawatan sosial 5 tahun kepada isteri-isteri asing manakala di kebanyakan negara, isteri seseorang warganegara dibenarkan tinggal dengan tetap secara automatik?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, rasional atau tidak rasional segala-galanya itu, adalah soal lain. Kita mempunyai peraturan kita yang tertentu berhubung dengan masalah ini.

*(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Seow Hun Khim tidak hadir).*

#### SKANDAL PINJAMAN BMF— BADAN PENYIASAT

**16. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Kewangan menyatakan kemajuan yang dicapai setakat ini dalam siasatan yang dijalankan ke dalam skandal pinjaman lebih satu juta bilion ringgit yang diberikan oleh syarikat Bumiputra Malaysia Finance, sebuah anak syarikat Bank Bumiputra di Hongkong kepada Kumpulan Carrian, Kumpulan Eda dan pemaju Kevin Hsu; dan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mendapatkan balik pinjaman-pinjaman tersebut.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang Dipertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjelaskan perkara ini apabila beliau membuat kenyataan akhbar baru-baru ini. Saya sendiri telah menjelaskan di dalam Dewan ini mengenai perkara yang sama pada 12hb Oktober, 1983 ketika menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Memang benar pinjaman-pinjaman yang besar telah dibuat oleh BMF dan ini adalah hasil daripada pemeriksaan yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia dan juga oleh Audit Luar Bank Bumiputra sendiri.

Pemeriksaan secara terus menerus sedang dilakukan oleh pihak Bank Bumiputra dan juga Bank Negara Malaysia untuk mendapatkan maklumat sepenuhnya mengenai segala perkara berkait dengan pinjaman besar yang memeranjatkan kita semua ini.

Di samping itu, sukalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan sedang menimbang untuk menubuhkan satu badan penyiasat yang akan dianggotai oleh beberapa orang yang mempunyai integrity dan standing dalam masyarakat kita. Adalah diharapkan bahawa penyiasatan yang menyeluruh yang akan dijalankan oleh badan penyiasat ini akan dapat membongkar segala perkara yang berkaitan dengan pinjaman yang dibuat oleh BMF supaya diketahui oleh kita.

Kerajaan berharap daripada hasil siasatan yang akan dijalankan ini, maka Kerajaan akan dapat mengambil segala tindakan yang wajar.

Ingin ditegaskan di sini bahawa Kerajaan memandang berat di atas masalah ini dan telah mengarah pihak pengurusan Bank Bumiputra sendiri supaya mengambil langkah-langkah

yang wajar bagi melindungi kepentingan mereka. Setakat ini usaha-usaha sedang dijalankan oleh pihak Bank Bumiputra untuk mendapatkan balik pinjaman-pinjaman tersebut dan Kerajaan yakin bahawa pihak pengurusan Bank Bumiputra akan berusaha untuk mengatasi masalah ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang Dipertua, bolehkah Dewan ini mendapat satu jaminan bahawa badan siasatan yang akan ditubuhkan untuk menyiasat skandal pinjaman BMF akan merupakan satu badan yang terbuka bagi mengadakan siasatan yang terbuka dan bukan sekadar satu siasatan Kerajaan sendiri oleh kerana dalam tempoh dua tahun lalu Kerajaan sudah ada banyak menjalankan siasatan dan siasatan ini kalau tidak terbuka, tidak akan dapat kepercayaan daripada orang ramai terhadap integriti, bukan sahaja badan siasatan tetapi juga Kerajaan sendiri? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan bahawa badan siasatan ini pun akan siasat bukan sahaja pengurus-pengurus BMF dan Bank Bumiputra tetapi juga semua badan-badan, agensi-agensi yang ada terlibat yang menunjukkan ada kecuaiannya mereka dalam perkara BMF semacam Bank Negara, mungkin juga Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri, Pendaftar Syarikat, External Auditor dan Internal Auditor, semuanya?

**Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang Dipertua, setakat ini sebagaimana saya katakan tadi kita masih menimbang untuk menubuhkan badan ini dan kita akan menubuhkan badan siasatan ini dengan memberikan kewajipan-kewajipan yang boleh menepati kehendak Kerajaan dan juga orang ramai.

(Soalan No. 17 Y.B. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed tidak hadir).

## DASAR LUAR MALAYSIA

**18. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Luar Negeri menyatakan dasar luar negeri kita sekarang ini iaitu dasar luar yang bebas dan aktif, tidakkah menghalang tujuan ASEAN hendak membentuk rantau ini menjadi Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali.

**Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Saya menatap kedua-dua soalan ini, satu dalam bahasa Inggeris dan satu dalam Bahasa Malaysia, saya dapati ada perbezaan iaitu perkataan: "At present which is liberal and active"; di dalam Bahasa Malaysianya—"Dasar luar yang bebas dan aktif". Jadi liberal itu bukan dimaksudkan. Jadi kita tidak pakailah bahasa Inggeris.

**Tuan Yang Dipertua:** Ya, pakai Bahasa Kebangsaan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Bahasa Malaysia. Di sini saya menyatakan bahawa dasar luar kita itu bebas, bukan aktif tetapi sebenarnya pro-aktif. Bermakna kita sentiasa mengambil inisiatif di dalam apa-apa hal yang kita berasa patut kita ambil inisiatif, bebas itu, ialah apa-apa juga dasar kita adalah dasar tanpa dikuasai oleh kuasa-kuasa lain. Jadi saya nampak tidak ada percanggahan di antara usaha kita itu dengan apa yang diusahakan bersama oleh rakan-rakan kita di ASEAN untuk mewujudkan satu kawasan aman, bebas dan berkecuali.

**Tuan Yang Dipertua:** Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 12, 15 dan 17 adalah diberi di bawah ini).

**HASIL NEGERI SARAWAK  
DAN PERBELANJAAN  
PEMBANGUNAN**

**2. Tuan Sim Kwang Yang** meminta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hasil (mengikut tahun) yang didapati dari Negeri Sarawak sejak lima (5) tahun ini dan juga jumlah perbelanjaan pembangunan (mengikut tahun) yang dibelanjakan

di Negeri Sarawak dalam tempoh yang sama.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Pusat dari Negeri Sarawak bagi tempoh lima tahun dari tahun 1978 hingga tahun 1982 berjumlah \$3,052.5 juta. Manakala jumlah perbelanjaan bagi tempoh yang sama ialah \$5,421.1 juta. Pecahannya mengikut tahun adalah seperti berikut:

PERBELANJAAN					
Tahun	Hasil Yang Diperolehi (\$ Juta)	Perbelanjaan Mengurus (\$ Juta)	Pemberian Berkanun (\$ Juta)	Perbelanjaan Pembangunan (\$ Juta)	Jumlah (\$ Juta)
1978.. ..	286.4	499.6	37.6	153.6	690.8
1979.. ..	336.9	495.8	44.1	178.7	718.6
1980.. ..	683.7	590.4	40.9	340.2	971.5
1981.. ..	879.1	759.8	45.2	539.3	1,344.3
1982.. ..	866.4	850.0	90.5	755.4	1,695.9
JUMLAH ..	3,052.5	3,195.6	258.3	1,967.2	5,421.1

Setelah mengambilkira keseluruhan perbelanjaan Kerajaan Pusat di Sarawak dibandingkan dengan hasil yang dipungut dari Negeri tersebut adalah didapati bahawa jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan di dalam jangka masa 5 tahun itu adalah jauh melebihi dari hasil yang dipungut dari Negeri tersebut iaitu sebanyak \$2,368.6 juta (\$5,421.1-\$3,052.6).

Perlulah ditekankan bahawa bantuan/pemberian serta sumbangan Kerajaan Pusat kepada sesebuah Negeri bukanlah berdasarkan kepada jumlah hasil yang dipungut dari Negeri-negeri berkenaan. Dengan yang demikian, faktor sumbangan Negeri kepada hasil Persekutuan tidak harus dibangkit-bangkitkan di dalam pengagihan bantuan/pemberian Kerajaan Pusat kepada mana-mana Negeri pun. Sebaliknya, untuk mencapai tahap pembangunan sosio-ekonomi negara yang seimbang bagi

peringkat Wilayah, Negeri dan Daerah, dan sesuai dengan matlamat "Integrasi Nasional" (National Integration) serta selaras pula dengan konsep dan semangat Persekutuan yang telah sama-sama kita persetujui Kerajaan Pusat akan terus memberikan peruntukan yang lebih kepada mana-mana Negeri yang tahap pembangunan sosio-ekonomi rakyatnya masih rendah.

**UNIVERSITI KEENAM**

**12. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) Mengapakah Universiti Keenam ditubuhkan di Negeri Kedah;
- (b) Apa sebabnya universiti tidak didirikan di Negeri Sarawak.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Dr Tan Tiong Hong):** Penentuan tempat untuk menubuhkan universiti Keenam ini telah dikaji dengan teliti dan mendalam oleh satu jawatankuasa khas di peringkat Kementerian Pelajaran. Pemilihan tapak telah dibuat berdasarkan kepada kesesuaian kawasan dan juga infrastruktur yang telah sedia ada. Memang ada beberapa buah negeri telah mencadangkan supaya Universiti Keenam didirikan di negeri masing-masing termasuklah Negeri Sarawak. Berdasarkan kepada kriteria pemilihan kawasan yang telah disebutkan di atas, Jawatankuasa Khas ini telah membuat keputusan memilih Negeri Kedah sebagai tempat untuk menubuhkan Universiti Keenam.

Pada masa ini Negeri Sarawak telah pun mempunyai kampus cawangan Universiti Pertanian Malaysia di Bintulu. Institut Teknologi MARA juga mempunyai kampus cawangannya di Kuching, Sarawak.

**PENDAFTARAN PERSATUAN  
BAHASA CINA  
UNIVERSITI MALAYA**

**15. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah sebab-sebab munasabah permohonan pendaftaran Persatuan Bahasa Cina, Universiti Malaya, tidak diluluskan.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Permohonan untuk mendaftarkan Persatuan ini telah dikemukakan kepada Majlis Universiti Malaya untuk pertimbangan di bawah seksyen 49 (1), Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971. Majlis Universiti Malaya masih menimbangkan permohonan ini.

**PULAU KECIL AMBOYNA—  
PENDUDUKAN VIETNAM**

**17. Tuan Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mendapatkan kembali hak di atas Pulau Kecil Amboyna, yang sekarang ini diduduki oleh Vietnam.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Saya mohon izin untuk memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan seperti ini telah diberi pada 18hb Oktober, 1983 semasa saya menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN, 1984**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (1hb November, 1983).

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN,  
1984**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat

ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,675,890,470 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1984, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 Tahun 1983, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (1hb November, 1983).

**Tuan Yang Dipertua:** Rang Undang-undang dan Usul dibuka untuk dibahaskan setakat 20 minit. Sila Ahli dari Batang Padang.

*3.30 ptg.*

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Tuan Yang Dipertua, bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1984, satu perkara yang menyayatkan dan menyedihkan diri saya pada hari ini iaitu seramai hampir 250 orang pekerja lombong kapal korek di kawasan saya di Batang Padang sana telah diberhentikan kerjanya secara mengejut mulai semalam 1hb November, 1983, yang mana notisnya empat hari yang lalu.

Saya maklumkan di Dewan yang mulia ini pembuangan kerja ini adalah terlibat seluruh negara iaitu terutama di Negeri Perak dan Selangor berjumlah 40 buah kapal korek semuanya. Duabelas buah daripadanya adalah di Batang Padang. Dan sebilangan besar pengundi-pengundi yang setia yang menyokong Kerajaan adalah terdiri daripada pekerja-pekerja lombong ini.

Tuan Yang Dipertua, kebanyakan pekerja-pekerja ini adalah terdiri daripada golongan-golongan miskin kaum bumiputera yang telah hidup bertahun-tahun lamanya, malah ada yang telah menghabiskan tenaga kehidupan di dalam perlombongan itu. Maka dengan sebab itu masalah pekerja lombong ini telah saya kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini sebanyak tiga kali. Kali pertama dalam tahun 1980 di mana masalah gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pekerja-pekerja lombong itu harus diambil perhatian. Kali kedua, pada tahun yang lalu di mana kerana sekatan dan kawalan harga bijih menyebabkan majikan menyekat dan membenarkan pekerja-pekerjanya bekerja sebanyak 20 hari sahaja dalam sebulan. Hal ini nampak telah dimansuhkan oleh majikan iaitu diikuti dan berjalan seperti biasa.

Dalam tahun 1983 ini selepas pihak-pihak yang berkenaan menyedari atau bersimpati dengan nasib pekerja lombong ini, Tuan Yang Dipertua. Maka sekarang saya ingin dan amat berhasrat hendak mengemukakan masalah yang lebih berat. Lebih besar lagi apa yang dihadapi oleh pekerja-pekerja lombong ini di mana majikan telah membuat ketetapan sedang mengeluarkan notis untuk memberhentikan beratus-ratus orang pekerja di kawasan Batang Padang dan hampir 700 orang di seluruh negara ini.

Tuan Yang Dipertua, saya sangat sedar bahawa mengikut Buku Economic Report 1983-1984, muka surat 119 Kawalan Eksport timah diteruskan, permintaan timah dunia dalam tahun 1983 dijangka terus lembab disebabkan oleh timah di galian dalam berlebihan yang terdapat di pasaran serta penggunaan dalam menggantikan timah yang meningkat.

Tuan Yang Dipertua, apakah halnya dengan nasib mereka yang hendak menyambung baki-baki hidup mereka itu lagi. Saya sangat berharap agar pihak Kementerian Perusahaan Utama mengambil langkah agar kawalan eksport ini dirundingkan dengan Pengurus Stok Penimbal Majlis Timah Antarabangsa (MTA) dan perlaksanaan kawalan eksport MTA serta Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah ASEAN 1983. Langkah kedua, saya menyokong penuh agar timah ini diproses dan mengeksportkan barang-barang buatan yang menggunakan bahan-bahan kita di mana Kerajaan akan terus membantu pihak swasta ke arah ini seperti yang disebutkan dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada masa membentangkan Belanjawan yang lalu.

Berhubung dengan ini katanya, adalah dicadangkan supaya penggunaan pengguna bijih timah diberi bayaran balik sebanyak \$700 setiap tan bagi timah yang digunakan dalam negeri ini untuk menggalakkan lebih banyak timah diproses dalam negeri menjadi keluaran barang siap.

Tuan Yang Dipertua, langkah positif yang amat berkesan sekiranya keadaan kawalan eksport berterusan dan tidak dapat dibendung lagi ialah dengan memohon jasa baik pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah supaya memberi keistimewaan kepada mereka agar tanah FELDA yang dibuka itu dipohon oleh mereka sebagai peserta, kerana mereka itu pula membawa bekalan wang sedikit sebanyak pampasan yang dibayar oleh majikan mereka sekarang ini.

Tuan Yang Dipertua, lagi sekali saya merayu kepada pihak majikan MMC Malaysian Mining Corporation? supaya mencari ganti kerja di tempat-tempat lain sebagai

perkhidmatan terakhir majikan kepada pekerja-pekerja itu sama ada di Treasury dan sebagainya, seperti ladang-ladang yang ada di negara ini. Kepada pihak Kerajaan Negeri agar ada tanah yang masih ada kosong, berilah kepada mereka agar dapat diusahakan dengan jayanya seperti Rancangan Tanah Terkawal yang telah diberi kepada penduduk yang tidak bertanah dahulu.

Tuan Yang Dipertua, saya hendak menyentuh satu perkara lagi iaitu berbangkit daripada ucapan pihak Pembangkang semalam iaitu penerapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mahukan membangun sebagai negara Islam. Sebagai contoh yang mana beliau telah gusar dan susah hati bahawa kumpulan wang simpanan pekerja dan pajak gadai untuk mencerminkan nilai Islam dan tidak pula ketinggalan katanya saranan Mufti Wilayah Persekutuan pada 2hb November yang lalu supaya sebuah badan khas ditubuhkan untuk mengislamkan orang-orang yang bukan Islam.

Ini, Tuan Yang Dipertua, sangatlah berjauhan sekali pendapat-pendapat beliau itu yang mana tujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini supaya negara Islam di Malaysia ini lebih baik daripada negara-negara Islam yang ada dalam dunia ini seperti Iran, mereka itu membuat beberapa kekejaman, di negara-negara lain Pakistan dan sebagainya tetapi negara kita ini dapat menjalankan penyesuaiannya menjalankan undang-undang Islam yang mana orang-orang yang hendak masuk Islam ini bukanlah sebagai dipaksa.

Nampaknya Wakil dari Sungai Besi takut benar kepada dasar Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara. Apakah Wakil tersebut tahu tentang nilai Islam? Kalau tidak tahu jangan kita

takut. Nilai Islam bukan hukum Islam tetapi unsur-unsur kehidupan dan cara-cara pemerintahan yang baik dan adil kerana perbuatan baik dan adil itulah nilai Islam. Sebenarnya Islam ini kita pun telah menunaikan kehendak-kehendak dan nilai-nilai Islam dalam kehidupan kita selama ini. Nilai Islam yang merupakan hidup berharmoni antara kaum, tegur sapa, hidup berjiran, bekerjasama dan banyak lagi amalan yang kita lakukan sekarang ini merupakan nilai-nilai Islam.

Tuan Yang Dipertua, saya hendak membangkitkan satu perkara iaitu dasar pakaian dalam Islam pada hari ini. Sejak akhir-akhir ini masalah pakaian sering menjadi tajuk buah mulut di kalangan umat Islam di Malaysia. Ini disebabkan masih ramai lagi yang tidak memahami dasar pakaian yang telah ditentukan oleh Islam. Kerana pada masa ini kebanyakan umat Islam telah mula sedar tentang cara sebenar pakaian menurut Al Quran dan Al Sunnah, walaupun terdapat golongan-golongan yang menghina dan mencemooh mereka yang memakai pakaian mengikut dasar pakaian Islam. Perkembangan yang baik ini wujud melalui kegiatan gerakan-gerakan dakwah di Malaysia yang memberi kesedaran kepada umat Islam supaya menurut ajaran Islam dalam konsep penutupan urat.

Sekarang ini kita sudah dapat melihat perkembangan Islam di Malaysia itu dan merupakan satu nikmat kepada kita umat Islam tetapi masalahnya ialah ada juga di antara pihak swasta yang melarang pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangannya daripada memakai mini telekung sedangkan inilah perkara yang wajib dilakukan. Apakah pihak Kerajaan telah mengambil sebarang tindakan mengenainya?

Tuan Yang Dipertua, yang menyedihkan baharu-baharu ini saya telah berjalan di sebelah Jalan Duta sana pada pukul 2.00 hari Sabtu, satu kumpulan berpakaian hitam yang dikatakan furdah, mereka berlonggok lima enam orang. Jadi, terasa dalam hati saya mengapa mereka berlonggok berjalan berasingan daripada orang lain, bahawa akhir-akhir ini mereka telah digelar, bentuk pakaian seperti ini digelar sebagai hantu kum-kum yang baharu keluar disebut-sebut yang hingga hari ini masih heboh diperkatakan dan dipaparkan dalam akhbar dan majalah.

Saya rasa ini tidaklah lebih dari sekadar untuk memburukkan orang-orang yang cuba untuk menghayati nilai-nilai Islam melalui pakaiannya iaitu telekung furdah tadi. Walaupun sebenarnya kesan ini tidak berlaku tetapi oleh kerana untuk memburukkan orang yang memakai telekung furdah ini maka dikatakan hantu kum-kum. Ini ialah boleh jadi mereka ada menyebut: "Assalam mualaikum" maka terus orang yang tidak bertanggungjawab mengatakan itulah hantu kum-kum. Alangkah cemarnya ugama Islam! Gamak saya mereka ini berjalan untuk menghindar daripada orang mengatakan mereka itu hantu kum-kum ataupun mereka tidak mahu orang dapat dosa kerana mereka.

Tuan Yang Dipertua, memakai telekung dakwah dengan ini saya minta supaya pihak-pihak yang berkenaan supaya jangan lagi menggunakan isu hantu kum-kum terutama orang-orang suratkhbar. Anggaplah cerita itu sebagai dongeng yang tidak berasas. Saya berasa hairan di mana sekarang ini ada setengah-setengah jabatan yang sedang hendak mengharamkan kelas-kelas ceramah dan pengajian di jabatan di waktu makan tengah hari. Dan perkara

seumpama ini adalah bercanggah dengan dasar Kerajaan yang mula cuba merapatkan nilai-nilai Islam tadi.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya gariskan sedikit secara ringkasnya sifat-sifat pakaian wanita Islam sebagaimana yang dapat diambil kesimpulan dari dalil-dalil yang terdapat dalam Al Quran dan Al Sunnah juga dari ijmak Ulama, hukum Islam adalah seperti berikut; yang mana pakaian-pakaian yang seperti ini tidak ditegur. Mereka yang memakai tidak menutup aurat tidak ditegur. Pakaian itu ketat berlawanan dengan kehendak Islam, pakaian itu hendaklah longgar, selesa dan dipakai serta tidak terlalu nipis kerana menampakkan bayang-bayang tubuh dari luar.

Yang ketiga, Tuan Yang Dipertua, pakaian itu hendaklah menutup bahagian-bahagian tubuh mengiurkan nafsu lelaki dan menutup aspek kehaiwanan manusia itu. Jadi, Tuan Yang Dipertua, ini pun tidak ditegur juga. Pakaian itu hendaklah tidak serupa dengan pakaian lelaki tetapi pada hari ini mereka memakai pakaian lelaki—wanita-wanita memakai pakaian lelaki, tidak ditegur. Inilah masalahnya. Kalau kita melihat satu-satu negara Islam ada yang memakai furdah, ada yang memakai mini telekung dan apa juga asalkan tidak membuka aurat.

Itulah sahaja, Tuan Yang Dipertua, dan saya ucapkan terima kasih. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

3.46 ptg.

**Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk mengambil bahagian perbahasan cadangan Belanjawan 1984 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan. Di dalam ucapan

Belanjawannya, beliau berjanji bahawa Kerajaan akan berbuat sedaya upayanya untuk kepentingan kebaikan golongan yang berpendapatan rendah di dalam masyarakat negara ini.

Tetapi kami dari DAP ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, bahawa hasrat mulia di mulut ini di dalam cadangan Belanjawan 1984 tetap menjadi satu hasrat yang tidak mempunyai apa-apa erti dan makna.

Belanjawan 1984 telah menggambarkan seolah-olah ianya akan memberi kebaikan kepada rakyat biasa dan golongan yang berpendapatan rendah tidak akan terlibat dari cadangan-cadangan yang dibuat.

Ahli-ahli masyarakat biasa dalam negara ini dan malah akhbar-akhbar juga telah diputarbelitkan untuk mempercayainya, malah terdapat sebuah akhbar yang mengibaratkan Belanjawan tersebut sebagai, dengan izin, No-Shock Budget—essential goods and foodstuff not touched' dan satu lagi kepala berita: "It is only a pinch".

Saya tidak menyalahkan orang ramai ataupun pihak akhbar kerana merasakan terlalu ria dan gembira oleh sebab mereka telah dengan sengaja dipesongkan untuk merasakan begitu, oleh kerana ucapan Belanjawan itu sendiri adalah memutar-belitkan dan dengan rasa kesal ianya telah dibentangkan begitu mengeliru sebegitu cara, misalnya, menekankan perkara-perkara yang cerah dan menutup hakikat yang pahit di dalam Belanjawan tersebut.

Pada hakikat sebenarnya, Belanjawan 1984 ini boleh diibaratkan sebagai satu "Hard-hitting Budget" yang rakyat jelata terpaksa hadapi. Oleh yang demikian adalah tidak benar golongan yang berpendapatan rendah tidak terlibat.

Saya merujuk kepada cadangan kenaikan 5% kepada 50% duti import terhadap barang-barang makanan. Di dalam ucapannya Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa barang-barang makanan yang terlibat adalah barang-barang makanan yang digunakan oleh golongan yang kaya-raya dan beliau telah dengan sengaja menekankan bahawa barang-barang seperti, dengan izin, 'shark-fins, oysters, abalone, salmon, keju, cendawan kering dan lain-lain lagi.

Menteri Kewangan sebaliknya dengan cerdik telah menutup dari orang ramai barang-barang tersebut, yang mana hingga ke hari ini tidak dikenakan duti import dan sekarang dikenakan duti import 5%.

Barang-barang yang terlibat ialah ubi kentang, cili dan cabai kering, bawang, bawang putih, halia, tepung, barang-barang kanji, semua rempah ratus, sayuran jeruk, daging sejuk dan makanan bayi. Barang-barang tersebut di atas adalah tersorok dan terlindung di dalam Perintah Duti Kastam, yang mana selamat dari penglihatan dan kritikan orang ramai. Malah akhbar-akhbar juga telah dikhayali dan terkeluar dari landasan oleh Menteri Kewangan dengan mengeluarkan senarai barang-barang tersebut dari dalam "appendix" ucapan beliau yang telah diedarkan kepada pihak akhbar.

Perintah Duti Kastam terbaru, sebenarnya telah mengenakan import duty 5% kepada semua barang-barang makanan yang mana tidak dikenakan pada sebelumnya. Adalah menampakkan bahawa klasifikasi setengah-setengah barang-barang makanan sebagai makanan perlu yang menikmati pengecualian import duty sepenuhnya telah hilang di bawah pentadbiran 2M.

Kami dari DAP amatlah terkejut dan adalah diperdayakan oleh Menteri Kewangan dalam pembentangan

Belanjawan 1984 dengan begitu cara yang amat mengelirukan. Barang-barang makanan seperti ubi kentang, cili, bawang dan daging sejuk adalah barang makanan perlu yang dimakan oleh rakyat biasa setiap hari. Ini tentunya bukan barang-barang makanan yang hanya dimakan oleh golongan kaya raya sahaja.

Dengan Belanjawan yang baru ini, adalah menggambarkan bahawa rakyat Malaysia selain dari terpaksa melawan arus kemelesetan ekonomi yang menyebabkan kejatuhan pendapatan, sekarang ini pula terpaksa berusaha payah dengan kenaikan di dalam cara kehidupan sehari-hari, berikutan dengan pengenaan 5% duty import terhadap barang-barang makanan perlu.

Saya dengan ini ingin menggesa Menteri Kewangan untuk menarik balik 5% duti import baru kepada barang-barang makanan perlu sebagaimana yang disebutkan tadi, untuk memberikan makna dan sokongan kepada janji-janji beliau bahawa Kerajaan akan sedaya upaya menjaga kebajikan golongan berpendapatan rendah di dalam masyarakat negara ini.

Tuan Yang Dipertua, saya amatlah berasa hairan bahawa sementara Menteri Kewangan merasakan sesuai dan tepat untuk mengenakan duti kastam yang baru kepada barang-barang seperti ubi kentang, cili, bawang dan daging sejuk, tetapi pada peringkat lain masih belum bercadang untuk mengenakan sebarang duti dan cukai kepada pengimportan kuda lumba. Pengimportan kuda lumba oleh golongan kaya raya di dalam negara ini masih kekal sebagai satu barang yang diimport yang special dan jarang, yang mana tidak dikenakan import duty, cukai tokok dan cukai jualan.

Walaupun perkara ini telah saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini, setahun lalu, saya amat hairan dan ingin mengetahui adakah menjadi hasrat Kerajaan untuk menjadikan negara ini satu negara demokrasi lumba kuda. Jika tidak, saya dengan ikhlasnya berharap supaya Menteri Kewangan dalam ucapan balasnya di dalam perbahasan kepada ucapan Belanjawan beliau nanti, akan memberitahu Dewan ini bilakah Kerajaan akan bercadang untuk mengenakan duti kastam, duti cukai kepada lumba kuda.

Memandangkan dakwaan pemimpin-pemimpin UMNO bahawa UMNO adalah parti politik Muslim yang terbesar di dalam dunia ini dan juga adalah tulang belakang kepada Kerajaan Barisan Nasional, saya amatlah hairan dan terkejut terhadap kekurangan tulang belakang Kerajaan untuk mengenakan import duti dan cukai-cukai kepada lumba kuda. Tidak payah disebutkan, saya pasti sikap ini juga adalah bertentangan dengan hasrat dan seruan Kerajaan untuk memperkenalkan penyerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran Kerajaan.

Saya amat ingin tahu apakah yang akan dikatakan oleh masyarakat Muslim di negara ini dan seluruh dunia mengenai perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya telah membuat beberapa cadangan untuk membantu seramai 14,000 orang yang terlibat di dalam perdagangan barang-barang kemas untuk memperbaiki keadaan persaingan daripada negara-negara jiran yang mana hingga sekarang pengeluar barang-barang kemas tempatan masih belum dapat menandinginya.

Menteri Kewangan dalam cadangannya menyatakan bahawa import duty dan cukai tokok terhadap

beberapa bahan mentah seperti berlian, emas, jade dan batu permata dan lain-lain yang digunakan untuk membuat barang-barang kemas akan dimansuhkan. Ini telah tidak dengan kesalnya membayangkan apa yang ada di dalam Perintah Duti Kastam, PU (A) 432. Perintah Duti Kastam tersebut adalah bercanggah secara total dengan apa yang dicadangkan oleh Menteri tersebut dan akibatnya terdapat kekeliruan yang menjalar di kalangan perdagangan barang-barang kemas.

Perintah Duti Kastam terbaru telah mengenakan 5% duti import kepada emas. Sebelum ini tidak terdapat sebarang duti import untuk emas. Walaupun Perintah Duti Kastam yang sama terdapat pemasuhkan cukai tokok, namun demikian cukai jualan sebanyak 10% masih dikekalkan yang mana sepatutnya ia dimansuhkan bersama-sama dengan cukai tokok jika sebenarnya Kerajaan berhasrat untuk meletakkan perniagaan barang-barang kemas mempunyai persaingan. Ini tidak menukarkan keadaan pengeluar-pengeluar barang-barang kemas tempatan, dan bukan juga meletakkan mereka di dalam keadaan persilangan, seperti yang dicadangkan.

Pemasuhkan 5% cukai tokok ini hanya sebagai menggantikan 5% Cukai Import Duty terhadap emas. Dengan demikian ini tidak langsung menurunkan harga emas yang menjadi bahan utama dalam pengeluaran barang-barang emas. Jika ini keadaannya, maka saya amatlah hairan bagaimanakah Menteri Kewangan boleh mendakwa bahawa cadangan-cadangan beliau tersebut boleh membantu perdagangan barang-barang kemas supaya berada dalam persaingan.

Akibat dari kekeliruan yang terjadi dari cadangan yang bercanggah oleh Menteri Kewangan dan Perintah Duti Kastam, pihak Perbendaharaan juga

telah juga bersama dan menyebabkan kekeliruan yang bertambah dan ketidak tentuan di kalangan perdagangan barang-barang kemas. Pegawai-pegawai Perbendaharaan beberapa hari yang lalu telah di dalam akhbar telah menyatakan bahawa hanya 11 pengimport emas yang ada sekarang akan dikecualikan dari membayar import duty dan mereka yang mengimport emas kurang dari 100 gram akan juga dikecualikan dari import duty. Kenyataan dari jurucakap Perbendaharaan tersebut bukan sahaja gagal untuk menerangkan lagi keadaan tetapi telah menyebabkan kekeliruan yang lebih, pertama di dalam ucapan Belanjawan Menteri Kewangan tidak menyebut bahawa 11 orang pengimport emas tersebut akan dikecualikan sepenuhnya dari duti import begitu juga di dalam Perintah duti Kastam.

Kedua, Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya juga tidak menyatakan bahawa sesiapa yang mengimport kurang dari 100 gram emas akan dikecualikan dari membayar import duti dan Perintah Duti Kastam yang terakhir seperti yang disebutkan tadi telah mengenakan 5% import duti untuk emas yang mana dahulunya tidak dikenakan langsung.

Saya dengan ini menyeru Menteri Kewangan untuk menjelaskan sama ada kenyataan terhadap perkara tersebut yang dibuat oleh pihak Perbendaharaan itu adalah benar dan betul dan atas asas apakah kenyataan tersebut dibuat oleh sebab ianya telah mendedahkan fakta-fakta dan keadaan di mana Menteri itu sendiri telah tidak menyatakan dan mendedahkan di dalam ucapan Belanjawannya.

Saya menggesa Menteri Kewangan untuk menjelaskan perkara tersebut secepat mungkin, sama ada terdapat 5% duti import terhadap emas dengan

tujuan bukan sahaja untuk memberikan gambaran yang terang dan tepat terhadap perkara ini, tetapi juga untuk mengurangkan kekeliruan yang terdapat di antara Ucapan Belanjawan Menteri, Jabatan Kastam dan pihak Perbendaharaan, yang mana kesemua tiga-tiga badan tersebut menampakkan seolah-olah tidak bersetuju di antara satu sama lain, atau apa yang patut dibuat oleh mereka.

Kepada keadaan di mana hanya terdapat 11 orang pengimport emas yang ada di negara ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada Menteri Kewangan, mengapakah bilangan ini dihadkan hanya kepada 11 orang sahaja untuk negara ini kerana saya difahamkan bahawa terdapat banyak orang yang berminat untuk memohon lesen tersebut tetapi semuanya telah ditolak. Bolehkah Kerajaan menjelaskan kenapa Kerajaan telah menghadkan bilangan pengimport-pengimport emas yang berlesen kepada 11 orang oleh kerana saya pasti Kerajaan semestinya sedar bahawa ini bermakna pengimportan emas tersebut dimonopoli oleh seramai 11 orang atau syarikat bagi seluruh negeri ini. Ini saya katakan adalah satu langkah yang tidak sihat, tidak patut dan tidak dikehendaki. Jika ianya bertujuan untuk mengawas pengimport emas ke dalam negeri ini, maka ianya adalah satu had yang tidak membolehkan apa-apa dan adalah satu penutupan tujuan sebenar kepada penetapan kepada hanya 11 orang pengimport emas yang berlesen, kerana saya pasti Menteri sedar bahawa setiap pengimport emas tanpa mengira berapa jumlah dan banyaknya oleh sesiapa jua, sama ada berlesen atau tidak, akan hanya boleh dilakukan selepas diberikan permit import atau AP. Soalan untuk menetapkan hanya 11 orang pengimport emas berlesen, untuk

mengawas pengimportan emas ke dalam negara ini tidak timbul langsung. Supaya pengeluar-pengeluar barang-barang kemas tempatan dapat bersaing dengan baiknya dengan negara-negara jiran, yang mana saya percaya pengeluar-pengeluar tempatan dapat melakukannya dengan mempunyai kemahiran untuk melakukannya, semua bahan-bahan mentah untuk membuat barang-barang kemas mestilah dikecualikan dari duti import, cukai jualan dan cukai tokok.

Pengeluar-pengeluar barang-barang kemas di negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Hong Kong tidak perlu membayar sebarang duti import atau lain-lain cukai untuk bahan-bahan mentah untuk kegunaan membuat barang-barang kemas dan akibatnya negara Malaysia telah tidak dapat menandingi negara-negara ini di dalam pengeksporan barang-barang kemas yang telah siap kepada pasaran antarabangsa terutamanya negara-negara Timur Tengah di mana jumlah perdagangan barang-barang kemas melibatkan berbillion-billion ringgit setahun. Untuk memberi kemudahan kepada pengeksporan barang-barang kemas siap, saya ingin mencadangkan kepada Menteri Kewangan supaya permohonan untuk mendapatkan lesen eksport emas dimansuhkan.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Walaupun lesen eksport emas boleh jadi dipohon dengan bebasnya oleh sesiapa tetapi malangnya ia tidak dikeluarkan dengan bebasnya yang mana saya amat tidak faham. Kerajaan dan birokrasinya tidak sepatutnya meletakkan halangan dan menyusahkan sesiapa yang ingin untuk menggalakkan pengeksporan di negara ini. Oleh sebab masalah dan kerumitan untuk mendapatkan lesen eksport, saya difahamkan pengeluar-pengeluar barang-barang kemas

tempatan telah menghantar secara tidak rasmi barang-barang kemas keluaran mereka menerusi Singapura untuk dieksport dari sana, hingga saya difahamkan bahawa 90% dari eksport barang-barang kemas siap oleh Singapura adalah dibuat di Malaysia. Seramai 14,000 rakyat yang terlibat di dalam pengeluaran barang-barang kemas sedang dieksploitasikan oleh Singapura oleh sebab kelemahan-kelemahan dan kegagalan Kerajaan Malaysia untuk membantu dan meluaskan perdagangan barang-barang kemas tempatan.

Oleh yang demikian untuk memberhentikan pengeksploitasian terhadap rakyat Malaysia ini oleh pihak Singapura, saya mencadangkan supaya Kerajaan dengan segeranya memansuhkan keperluan untuk lesen eksport untuk mengeksporkan barang-barang kemas tempatan. Sekian, terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Mukah.

4.05 ptg.

**Dr Leo Michael Toyad (Mukah):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dan turut bersama membahas dan menyokong dasar-dasar Rang Undang-undang Perbekalan, tahun 1984 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Saya menyokong dengan sepenuhnya strategi-strategi dan dasar-dasar yang telah dicadangkan itu. Negara kita yang di anggap sebagai membangun dan di dalam kalangan negara-negara yang telah berjaya dan berhasil dalam langkahan dan tujuan-tujuan ini. Walaupun hasrat rakyat dengan Kerajaan untuk mencapai kemajuan dan pembangunan dengan secepat mungkin dan intensif, kita harus mencapai satu paras kompromi di mana kita mengenalpastikan dan menyedarkan keutamaan dari segi

kestabilan, kemajuan dan kemakmuran negara. Kita tidak dapat melupakan bahawa negara kita Malaysia lahir sebagai sebuah negara yang merdeka dengan cara yang damai dan dalam iklim persefahaman dan bertolak-ansur. Setakat ini kemerdekaan dan kemakmuran negara kita harus ditegah dan diutamakan dan ini bukannya hanya tanggungjawab Kerajaan sahaja tetapi adalah juga tanggungjawab semua rakyat Malaysia tidak mengira bangsa dan agama.

Tuan Yang Dipertua, dengan semangat inilah rakyat Malaysia menerima dasar-dasar dan strategi Belanjawan untuk tahun 1984. Rakyat Malaysia dapat melibatkan diri dalam proses pembangunan dan kemajuan apabila Kerajaan melancarkan konsep pengswastaan perkhidmatan-perkhidmatan awam. Dalam memperswastakan perkhidmatan-perkhidmatan awam, Kerajaan harus berwaspada dan mengkaji dengan teliti akibat-akibat yang tidak dikehendaki yang akan menjejaskan pertumbuhan perkhidmatan dan pengurusan perkhidmatan-perkhidmatan yang sedia ada.

Tuan Yang Dipertua, Langkah-langkah Kerajaan untuk menghadkan perbelanjaan telah membantu kita menyekat imbalan pembayaran dari merosot. Ini adalah satu kesan yang positif atas kekukuhan ekonomi negara, bersama dengan kesan kenaikan harga barang-barang eksport. Saya ingin mengalu-alukan langkah-langkah Kerajaan untuk meningkatkan lagi eksport barangan dan perkhidmatan kita.

Pihak swasta semestinya digalakkan supaya memproses barang-barang di dalam negeri dan mengeksportkan barang-barang buatan tempatan yang menggunakan bahan-bahan mentah kita. Barang-barang yang dibuat dalam Malaysia harus diluaskan lagi

dan digalakkan di dalam pasaran dalam negeri bersamaan dengan "promotion", dengan izin, di luar negeri. Bahawasanya Malaysia ada mempunyai sumber-sumber mentah, tenaga manusia, tenaga elektrik dan tenaga yang lain tidak dapat kita nafikan.

Tuan Yang Dipertua, untuk mendapat kesan positif dan progresif, Kerajaan harus mengeksploitasi dan giatkan lagi potensi-potensi sumber-sumber, dengan izin, "soft-ware" seperti technologist, pakar scientist, economist dan sumber-sumber intelektual yang sedia ada dalam negeri kita. Saya menyentuh perkara ini oleh kerana pemandangan dan pengalaman dari dalam masyarakat atau dalam negara, dengan izin, "localite approach" adalah penting dan boleh dicantumkan dengan pengalaman-pengalaman negara-negara yang telah membangun. Tuan Yang di-Pertua, negara kita ada juga mempunyai kemahiran-kemahiran dan konsultan-konsultan tempatan kita sendiri.

Tuan Yang Dipertua, dalam dasar Belanjawan 1984 saya ingin memberi sokongan saya kepada galakan-galakan seperti cukai berbentuk elauan bangunan perindustrian diberi untuk meliputi bangunan-bangunan yang diluluskan untuk latihan perindustrian, cadangan untuk menyatukan cukai tokok dengan duti import dan menukar duti tertentu supaya perlindungan yang cukup dapat diberi kepada industri-industri tempatan.

Dengan langkah seperti ini penggunaan barang-barang tempatan akan dinaikkan lagi. Kita harap keperluan untuk barang tempatan akan berkembang lagi. Dengan ini juga adalah tanggungjawab pengeluaran-pengeluaran barang tempatan supaya ia

sedia dan terus meninggikan kualiti-kualiti pengeluarannya dengan cara-cara, dengan izin, "creative quality engineering" dan "value engineering".

Galakkan untuk industri perkapalan adalah baik sekali. Kebanyakan komunikasi dan pengangkutan di Sarawak misalnya adalah melalui sungai dan perairan. Ini adalah satu kadar pengangkutan yang asas di dalam negeri dan di antara negeri-negeri dalam Malaysia. Tenaga manusia dan pelaut-pelaut tempatan masih besar dan banyak.

Peruntukan Belanjawan 1984 adalah pragmatik dan realistik. Kita sedar bahawa 69% adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan ianya lebih besar dari peruntukan untuk pembangunan.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyatakan di sini peruntukan mengurus dan pembangunan harus diberi arah dan haluan yang jelas terutama sekali kepada agensi-agensi dan jentera-jentera yang menjalankan dasar kita. Pembekalan walaupun tidak begitu banyak pertambahannya tidak harus dianggap hanya untuk menguruskan supaya keadaan perkhidmatan dan pengurusan pembangunan negara kita menjadi "status quo", dengan izin, "input" dan daya pengeluaran sektor awam dapat diperkembangkan lagi dan dipertingkatkan. Sikap untuk mencari kehidupan sahaja seharusnya diketepikan, dan sikap penglibatan dengan langsung dalam pembinaan negara harus diutamakan. Kesedaran bahawa tanggungjawabnya sebagai seorang kakitangan bukan kepada jabatannya tetapi kepada negara dan rakyat Malaysia. Di peringkat daerah dan luar bandar kerjasama dan penyatuan agensi-agensi khasnya harus diperbaiki lagi.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk

memberi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan kerana pembangunan yang telah diadakan kepada rakyat, misalnya jalan raya, program pertanian dan nelayan khasnya di Sarawak.

Tuan Yang Dipertua, Kementerian Penerangan dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah berjaya memperluaskan pemancaran rangkaian kedua ke Sabah dan Sarawak. Rakyat Sarawak sangat bangga atas langkah-langkah perhubungan ini. Akan tetapi di kawasan persisiran termasuk kawasan saya Mukah, dan di kawasan persisiran pantai di Bahagian III masih menerima kedua-dua rangkaian TV Malaysia yang kabur dan kurang jelas. Saya berharap Kementerian-kementerian berkenaan dapat berusaha memperbaiki pemancaran itu.

Saya berharap dalam peruntukan 1984 juga perjalanan dan perkhidmatan kesihatan bergerak dapat dijalan semula dengan licin dan diteruskan. Menyediakan perkhidmatan semata-mata untuk mengadakan perkhidmatan adalah satu cara yang membazirkan wang. Seperti yang saya sebutkan, peringkat implimentasi harus memahami objektif-objektif mereka dan dapat menyesuaikan perkhidmatan dan pelancaran rancangan supaya ia kena dengan tempat dan masanya khasnya di luar bandar. Ini, Tuan Yang Dipertua, saya percaya hanya menggunakan kebijaksanaan yang sedia ada kepada kita sendiri.

Penyeliaan harus dikuatkan lagi dan sistem maklum balas ini diperbaiki lagi dengan tidak menambah bebanan kerja, misalnya penyakit cirit-birit, batuk kering dan campak halus adalah berpunca dari banyak faktor (multifactorial). Penyakit-penyakit seperti ini bukannya tergantung semata-mata atas ubat-ubat yang mahal dan moden.

Sebanyaknya pencegahan dan pembasmian penyakit seperti ini bergantung atas adanya keperluan asas dan pendidikan kesihatan yang bertujuan untuk menukar sikap dan cara-cara hidup yang tidak sihat seperti kempen kebersihan yang kini dijalankan, selain dari meringankan mata kegiatan dan tabiat bersih begini akan memberi manfaat kesihatan kepada masyarakat keseluruhannya.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana masalah yang tertentu pembinaan Pusat Kesihatan di Dalat, Mukah telah ditangguhkan. Saya ingin memohon supaya usaha untuk mendirikan pusat ini dapat dicepatkan kerana saya faham dan saya percaya apa-apa masalah yang dihadapi sekarang itu dapat diatasi.

Begitu juga saya harap kerja untuk memperbaiki landasan kapal terbang di Mukah dijalankan. Projek ini pun telah diadakan peruntukan dan saya harap Kementerian Pengangkutan dapat peruntukan untuk landasan tersebut.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh serba sedikit atas Dasar Ekonomi Baru.

Di kawasan pertanian dan nelayan, hasil-hasil dari alam semula jadi masih banyak dan usaha dapat dijalankan untuk mengekalkan sumber makanan dan kehidupan golongan rakyat di kawasan tersebut. Selain dari menggalak bercucuk tanam, Kerajaan atau koperasi-koperasi yang disokong oleh Kerajaan harus mencari pasaran tempatan untuk petani-petani dan nelayan ini.

Saya ingin mencadangkan bahawa kerjasama di antara agensi-agensi Kerajaan seperti Pertanian, Pelajaran dan Kesihatan dapat memberi peluang untuk mereka. Saya faham pemasaran memang sedia seperti sekolah-sekolah berasrama dan hospital-hospital boleh mendapat bekalan-bekalan mereka

secara langsung menerusi koperasi atau persatuan petani atau nelayan itu. Saya faham juga bahawa infrastruktur-infrastruktur pun telah sedia diadakan oleh Kerajaan.

Menyentuh kepada keadaan penanam-penanam pokok rumbia di kawasan saya, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan menggalakkan sektor-sektor swasta mengusaha kegiatan penyelidikan dan meluaskan lagi kegunaan pokok-pokok rumbia, selain dari kegunaan yang tradisional. Industri-industri rumbia atau sagu ini harus dipertimbangkan kerana kawasan-kawasan di mana tumbuhnya rumbia ini adalah terhad kesesuaiannya untuk tanaman-tanaman yang lain. Tanaman yang lain yang dapat ditanam di kawasan itu ialah cuma nenas.

Saya berharap juga pembangunan infrastruktur akan terus dijalankan dalam tahun 1984 khasnya di luar bandar bahawa kita sedar projek-projek yang kecil-kecil itu dapat memberi manfaat dengan cara-cara tersendiri. Projek kecil-kecilan ini adalah satu "nucleus" untuk menggerakkan rakyat untuk meninggikan cara-cara hidup dan taraf kehidupan mereka.

Tuan Yang Dipertua, bahkan kata orang-orang tua "sedikit-sedikit lamalama menjadi bukit".

Dengan itu saya ingin sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Belanjawan tahun 1984.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Labis.

4.20 ptg.

**Tuan Bahari bin Haron (Labis):**  
Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong belanjawan bagi tahun 1984 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 21-10-1983 yang lalu.

Tuan Yang Dipertua, hari ini kita semua hidup dalam dunia yang menghadapi berbagai-bagai masalah sama ada masalah ekonomi, sosial mahu pun politik. Di Timur Tengah misalnya pertelingkahan masih berlaku, nyawa manusia begitu banyak terkorban. Apa yang diperlukan hari ini ialah kesedaran terutamanya dari kuasa-kuasa besar betapa pentingnya keamanan diwujudkan bagi memastikan jaminan untuk umat manusia semua. Kuasa-kuasa besar hendaklah sentiasa diingatkan supaya jangan menggunakan kekuatan yang ada pada mereka semata-mata untuk kepentingan diri mereka sahaja. Semua perkiraan sama ada dari segi ketenteraan, ekonomi dan sebagainya mestilah berlandaskan kepada hakikat bahawa semua negara-negara tidak kira besar ataupun kecil, maju ataupun membangun bergantung di antara satu sama lain dalam banyak lapangan.

Tuan Yang Dipertua, apa yang berlaku di Kampuchea hari ini adalah satu trajedi yang menyedihkan, tentera Vietnam yang disokong oleh kuasa besar Russia masih lagi tidak menghiraukan pendapat kebanyakan negara-negara lain. Kita mestilah memikirkan satu strategi yang lebih berkesan di mana masalah ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin. Dalam hal ini kita tentulah menyesali pendirian negara Australia yang sengaja tidak mahu menghormati pendirian negara-negara ASEAN. Australia seharusnya memikirkan semula pendirian mereka dalam hal ini.

Tuan Yang Dipertua, peristiwa yang berlaku di Grenada adalah juga satu tragedi yang menyedihkan, Amerika Syarikat seharusnya berundur dari negara tersebut dengan tidak berlengah-lengah lagi. Kita tentu tidak mahu ketegangan yang sedia ada akan menjadi lebih buruk lagi.

Campurtangan negara-negara luar sudah tentu akan mewujudkan keadaan tidak stabil yang akhirnya akan menular dan menjalar ke tempat-tempat lain di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1984 adalah satu belanjawan yang telah direka atas pertimbangan-pertimbangan yang wajar dan menasabah.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang telah berjaya mengadakan satu belanjawan yang tidak membebankan rakyat jelata terutama mereka dari peringkat bawahan dan penduduk-penduduk di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang Dipertua, adalah satu perkara yang menggalakkan di mana walaupun Kerajaan menjadualkan semula perbelanjaannya ke-utamaannya yang tinggi akan terus diberikan kepada projek-projek untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat selaras dengan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang Dipertua, dalam hal ini langkah-langkah yang positif mestilah diambil untuk memastikan peruntukan-peruntukan bagi memperbaiki jalan-jalan luar bandar dan jalan-jalan kampung dapat dijalankan dengan sempurna. Pada pendapat saya peruntukan berjumlah \$90 juta untuk bekalan elektrik luar bandar dan \$64 juta untuk bekalan air luar bandar adalah satu peruntukan yang kecil, dan saya berharap dapatlah dipertimbangkan semula supaya ia dapat ditambah memandangkan begitu banyak kampung-kampung yang masih belum mendapat bekalan api elektirk dan bekalan air yang sempurna.

Tuan Yang Dipertua, penyertaan Bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian masih lagi belum

memuaskan, peniaga-peniaga bumiputera sentiasa mendapati sukar untuk mendapat pinjaman dari bank-bank swasta, mereka juga masih memerlukan bimbingan di dalam lapangan perniagaan. Dalam hal ini pihak MARA seharusnya memainkan peranan yang lebih aktif lagi.

Tuan Yang Dipertua, galakan yang diberikan kepada industri perkapalan adalah satu langkah yang bijak dan kena pada masanya. Satu masalah yang sering dihadapi oleh industri ini ialah cara-cara berniaga negatif yang diamalkan oleh setengah-setengah negara perkapalan yang besar di mana negara-negara tersebut menjual barangan mereka dengan cara CIF (Cost Insurance and Freight) dengan izin, dan sebaliknya membeli barangan kita dengan cara FOB (Free on Board). Ini sudah tentu akan menafikan peluang penggunaan kapal kita serta juga industri insuran kita. Ini dapat diatasi jika kita mensyaratkan supaya perkhidmatan-perkhidmatan tersebut dapat diberikan kepada kedua-dua negara ataupun kedua-dua pihak yang berniaga atas kadar perkongsian samarata.

Tuan Yang Dipertua, industri pelancungan juga adalah merupakan satu industri penting yang dapat menarik wang asing masuk ke negara kita ini. Langkah-langkah yang agresif boleh dijalankan dalam hal ini. Kita tidak boleh berlengah-lengah dalam perkara ini memandangkan kita mempunyai persaingan hebat dari negara-negara yang berdekatan.

Tuan Yang Dipertua, penganan bayaran ke atas kenderaan barang-barang ke luar negeri sudah tentu akan menambah penggunaan pelabuhan-pelabuhan tempatan. Kita perlulah memastikan perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan termasuk perkhidmatan-perkhidmatan professional dapat

diadakan di pelabuhan-pelabuhan tempatan supaya pengeksporth-pengeksporth barangan kita dapat menjalankan perniagaan mereka dengan sempurna.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Kluang.

4.27 ptg.

**Tuan Quah Wee Liam (Kluang):**  
Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk membahaskan Belanjawan Negara tahun 1984. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Malaysia atas Ucapan Belanjawan tahun 1984 bagi membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan untuk tahun 1984.

Tuan Yang Dipertua, Perbelanjaan Mengurus dianggarkan akan menggunakan \$19,015,912,220 iaitu \$6,651,603,400 bagi perbelanjaan tanggungan dan \$12,364,308,820 bagi perbelanjaan perbekalan.

Perbelanjaan pembangunan ialah sebanyak \$8,675,980,470 sebaliknya jumlah hasil dianggarkan sebanyak \$19,145 juta, dari ini kita boleh simpulkan bahawa perbelanjaan ini menunjukkan ekonomi yang stabil dan kukuh. Dari angka Perbelanjaan Mengurus dan hasil Kerajaan dapati bahawa Kerajaan akan menikmati kelebihan perbelanjaan sebanyak \$130 juta. Ini adalah jauh lebih banyak daripada kekurangan perbelanjaan semasa Kerajaan dan hasil Kerajaan bagi tahun 1983 yang dianggarkan dalam Buku Laporan Ekonomi 1983/84. Kekurangan ini bagi tahun 1983 ialah \$181 juta.

Tuan Yang Dipertua, cukai secara amnya adalah berat sebelah golongan pendapatan sederhana dan tinggi yang menanggung bebannya. Cadangan kenaikan duti import ke atas kereta-kereta akan dapat disokong oleh

kerana ia adalah untuk menjaga kepentingan perusahaan muda kita. Cukai secara progresif menjadikan kereta yang berharga tinggi dan lebih mahal. Cukai ke atas kereta mungkin juga membawa kesan yang buruk bagi beberapa golongan tertentu, terutamanya mereka dalam golongan pendapatan menengah. Kereta sekarang sudah jadi satu keperluan asas, bukan dimaksudkan kereta yang mahal seperti Volvo, BMW dan Mercedes Benz. Apa lagi kalau dilihat tidak ada banyak perubahan dari segi kecekapan sistem pengangkutan awam kita, seperti pengangkutan bas dan keretapi.

Tuan Yang Dipertua, cukai ke atas minuman keras dan rokok tidak berubah, ini boleh dipersoalkan mereka bukan keperluan asas dan ia tidak baik bagi kesihatan. Tetapi cukai ke atas berbagai jenis makanan khas seperti shark's fins, abalone, mushroom dan lain-lain yang dicadangkan akan dapat bantahan. Cukai ini bukan sahaja dirasai oleh orang-orang kaya sahaja, terutama dari kaum Cina, tetapi juga dirasai oleh golongan-golongan yang lain. Sebahagian bahan-bahan makanan yang disenaraikan adalah bahan-bahan makanan asas kepada semua golongan orang di negara kita. Kenaikan cukai ke atas berbagai jenis makanan khas yang disenaraikan akan menjejaskan perusahaan-perusahaan restoran kita. Cukai import ke atas makanan tertentu seperti cendawan, tiram, sirip jaring akan membebankan satu community tertentu. Mereka menggunakan jenis-jenis makanan dengan belanja yang banyak, terutamanya dalam masa perayaan dan perkahwinan. Ini adalah kebiasaan dari segi kebudayaan kaum.

Tuan Yang Dipertua, cukai jualan pada tahun lepas telah naik dari 5% ke 10%, ia tidak dikurangkan sebagaimana ramai mengharap. Akibatnya, mereka dari golongan

pendapatan rendah masih rasa kesannya, terutamanya bagi barang-barang makanan dan pakaian dan lain-lain barangan keperluan asas.

Tuan Yang Dipertua, polisi Kerajaan untuk mengurangkan deficit perdagangan tak nampak, iaitu anggaran deficit sebanyak \$6,800 juta telah diberi pertimbangan. Menghapuskan cukai ke atas perusahaan perkapalan, insurans, memberi kemudahan bagi perusahaan pelancongan demi menggalakkan perkembangan perusahaan tersebut untuk menambahkan hasil dari perdagangan tak nampak.

Langkah yang akan diambil untuk mengurangkan menghantar penuntut-penuntut kita ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran serta menambahkan penubuhan universiti-universiti tempatan baru adalah baik kerana ia dapat mengurangkan aliran keluar matawang. Di sini saya ingin membawa perhatian kepada Kerajaan ketika kita menubuhkan universiti-universiti tempatan untuk mengurangkan perbelanjaan bagi menghantar penuntut-penuntut ke luar negeri, kita mesti menentukan mutu pendidikan kita tidak akan turun.

Tuan Yang Dipertua, cadangan untuk menggalakkan industri-industri tempatan untuk menggunakan bahan-bahan mentah tempatan dengan lebih banyak akan mengakibatkan eksport bahan-bahan mentah tempatan dikurangkan, maka harga antarabangsa akan naik. Dengan memberi rebat sebanyak \$700 setan bagi timah yang digunakan di dalam negeri, pengguna-pengguna bijih timah hendaklah digalakkan lebih banyak memproses bijih timah di dalam negeri.

Tuan Yang Dipertua, tambahan cukai import 10% bagi bull-dozer, mesin mengorek tanah dan lain-lain tidak sepatut dicadangkan. Alat-alat

ini perlu dalam pembinaan apa jenis bangunan pun, maka harga rumah-rumah kos murah bagi golongan berpendapatan rendah juga akan dikesan. Tetapi cukai ke atas terrazo yang dikurangkan tidak begitu berkesan kerana kebanyakan projek-projek perumahan bagi rumah-rumah murah dan menengah tidak menggunakannya, asalkan pembeli minta baginya. Maka ini hanya akan memfaedahkan mereka yang membina atau membeli rumah-rumah mahal sahaja.

Tuan Yang Dipertua, begitu juga penurunannya cukai ke atas VCRS dan menghapuskan cukai ke atas rakaman video tidak berkesan kepada orang-orang miskin, terutama mereka yang memperoleh pendapatan kurang daripada \$300 sebulan, seperti petani, peladang dan nelayan. Ini hanya berfaedah kepada mereka dalam golongan menengah/bawah sahaja. Walaupun ia memberi hiburan kepada orang ramai, tetapi perusahaan panggung wayang akan terjejas kerana perniagaan mereka akan merosot.

Cukai eksport ke atas buah-buahan tempatan dicadangkan dikurangkan, tetapi ini akan membawa kesan yang buruk kepada pengguna tempatan kerana harga buah-buahan akan meningkat sekarang. Bagi pengeluar pula, petani-petani tempatan yang kecil mungkin tidak berfaedah daripada ini kalau masih ada aktiviti orang tengah dan permintaan dari pegawai-pegawai pusat-pusat pemasaran, yang akan untung ialah pengeksport-pengeksport sahaja.

Tuan Yang Dipertua, kenaikan bayaran Pasport Terhad dan Pasport Antarabangsa 100% tidak akan memberi banyak kesan kerana bayaran ini adalah kurang membebankan pembayaran kadar pasport.

Tuan Yang Dipertua, orang ramai menganggarkan KWSP (EPF) akan meningkat, tetapi ia tidak berubah. Sebenarnya kenaikan caruman EPF akan memberi faedah yang berkesan kepada golongan pendapatan rendah, terutamanya mereka yang tidak berada dalam skim pencen. Sebaliknya saya fikir 10% cukai perkhidmatan lebih baik dihapuskan kerana ia membebankan pengguna kepada keseluruhannya lebih daripada pemilik-pemilik kedai, restoran dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, peruntukan sebanyak \$812 juta bagi pendidikan di dalam negara memang tidak mencukupi memandangkan bilangan penuntut sekolah dan universiti semakin bertambah. Bilangan guru secara am adalah berkurangan sebanyak lebih kurang 7,000. Bilangan kelas dalam kebanyakan sekolah-sekolah adalah kurang. Banyak kelas-kelas terapung. Walaupun sebahagian besar dari peruntukan bagi perkembangan bidang pendidikan akan digunakan untuk membina sekolah-sekolah baru dan universiti, kita telah terlupa sekolah-sekolah lama yang menghendaki ditambah atau memperbaiki bilik-bilik darjah.

Tuan Yang Dipertua, harapan rakyat kita dari Kerajaan adalah memang tinggi, telah lama mereka berharap dapat perkhidmatan awam yang cekap dan amanah dari jabatan-jabatan awam dan juga kemudahan-kemudahan awam yang baik tetapi mereka terutamanya di kampung-kampung, merasa kecewa dengan keadaan-keadaan kemudahan-kemudahan awam seperti bekalan air dan elektrik. Bagaimanapun saya fikir Belanjawan negara pada tahun 1984 adalah adil dan saksama dan tidak berapa teruk.

Saya menyokong Belanjawan Negara pada tahun 1984 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat

Mulia Menteri Kewangan. Saya juga mengucapkan sekali lagi syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan atas pengeluaran satu Belanjawan untuk tahun 1984 yang akan diterima oleh rakyat kita tanpa banyak bantahan. Juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Belanjawan Negara tahun 1984.

**Dr Abdul Hamid bin Pawahteh:**  
Yang Berhormat dari Pasir Mas.

4.43 ptg.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah (Pasir Mas):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk turut sama membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1984 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 21hb Oktober yang lalu.

Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun menghadapi berbagai-bagai masalah. Sebagai seorang bayi yang sedang dalam proses untuk berjalan ia terus menerus menerima berbagai halangan sama ada halangan yang sedia ada atau yang dipasang oleh pihak-pihak yang tertentu tetapi proses alam terus berlaku di mana si bayi ini terus membesar dan menghadapi rintangan dengan tabah hati. Dia terus bergerak tapak demi tapak meninggalkan halangan sebagai kenangan sejarah dan pengajaran yang boleh mematangkan keadaannya.

Malaysia telah mengatitkan berbagai rancangan, bermula dari Rancangan Malaysia Pertama hinggalah sekarang kita berada dalam Rancangan Malaysia Keempat. Setiap rancangan yang diatur banyak masalah yang tidak dapat diselesaikan dan banyak harapan yang tidak dapat dipenuhi. Kini hanya tinggal 7 tahun sahaja lagi jangka waktu bagi

mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru di mana kita mengharapkan 30% ekuiti negara dipegang oleh Bumiputera. Adakah matlamat dan harapan ini akan tercapai? Di takuk manakah sebenarnya Bumiputera berpijak sekarang? Semua ini menjadi tandatanya. Kita tidak menafikan hingga sekarang Kerajaan telah memberikan kekayaan kepada beberapa orang Bumiputera tetapi itu boleh dibilang dengan jari. Sekarang ini pendapatan per kapita rakyat Malaysia adalah di antara yang tertinggi di Asia dan ini satu hal yang membanggakan tetapi adakah ini menggambarkan keadaan yang sebenarnya.

Saya amat bimbang kalau dengan pertambahan pendapatan per kapita ini akan menambahkan luasnya jurang perbezaan di antara yang kaya dengan yang miskin sedangkan hasrat dalam melancarkan Dasar Ekonomi Baru ialah untuk mendekatkan jurang yang tersebut supaya masyarakat Malaysia tersusun dengan baik dan tidak akan menimbulkan keadaan yang kurang menyenangkan. Kita mahu jadikan Malaysia ini sebagai tempat hidup yang selesa di mana rakyatnya tidak merasakan iri hati di antara satu dengan lain atau di antara golongan dengan golongan yang lain.

Dalam pertengahan tahun 1980 dahulu Kerajaan telah mengisytiharkan kenaikan gaji kakitangan awam dan kemudian diikuti oleh kakitangan sektor swasta. Akibat daripada kenaikan gaji ini harga barang-barang melambung naik. Kelegaian yang diharapkan tidak tercapai. Bagi orang-orang yang makan gaji pada mulanya merasakan ini suatu tuah yang bergolek tetapi bagaimana pula dengan rakyat yang semata-mata mengharapkan kekuatan tulang empat kerat mereka. Bagaimana orang-orang ini mahu

menghadapi kenaikan harga barang yang tiba-tiba ini. Dengan kenaikan harga barang menyebabkan kegelisahan banyak kalangan.

Pegawai sektor awam dalam kategori A umpamanya telah mendapat banyak kemudahan dari kenaikan gaji yang tersebut. Mereka menerima bermacam-macam elaun, elaun layanan, elaun perumahan dan Elaun Khidmat Awam tetapi pegawai-pegawai dalam kategori B, C dan D mereka hanya menerima Elaun Khidmat Awam semata-mata dan oleh kerana ini timbul kegelisahan dalam kalangan pegawai-pegawai dalam kategori yang tersebut yang meminta perhatian Kerajaan agar elaun yang diterima oleh pegawai-pegawai dalam kategori A tadi dapat mereka rasakan bersama terutama sekali dalam soal elaun sewa rumah yang sekarang masih tidak dilaksanakan oleh Kerajaan kepada pegawai-pegawai dalam kategori B, C dan D.

Kita tahu sekarang sewa rumah di Malaysia terutama di bandar-bandar adalah terlalu tinggi dan Kerajaan seharusnya memberikan kelegaan sedikit kepada pegawai-pegawai dalam kategori B, C dan D ini supaya mereka dapat menduduki rumah yang selesa seperti juga pegawai-pegawai lain. Dalam soal kenaikan ataupun sewa rumah yang tinggi di negara kita sekarang ini, saya menyeru Kerajaan supaya menggubal suatu dasar bagi mengawal kenaikan harga sewa rumah, supaya tidaklah melambung daripada satu masa ke satu masa.

Sekarang ini kita dapati pegawai-pegawai terpaksa menghabiskan  $\frac{1}{3}$  daripada gaji mereka hanya semata-mata untuk sewa rumah. Jadi, saya berharap kelegaan bagi pegawai-pegawai kategori B, C dan D ini dapatlah dihapuskan ataupun dapat diberikan oleh Kerajaan dalam jangka masa yang tidak berapa lama.

Tuan Yang Dipertua, sudah lebih suku abad kita merdeka, sudah banyak perubahan-perubahan dan pembangunan yang telah diusahakan namun kemiskinan masih merajai hidup terutama bagi petani-petani dan nelayan-nelayan. Nikmat kemerdekaan walaupun sudah dirasakan oleh mereka tetapi adalah terlalu kecil nisbahnya dengan apa yang dirasakan oleh golongan-golongan yang lain. Di kampung rakyat selain masih berperang dengan kemiskinan, mereka masih menapak di atas jalan yang berdebu, anak-anak mereka masih lagi menggunakan lampu minyak untuk menatap buku di waktu malam, air minuman mereka masih didapati dari telaga-telaga yang terdedah dengan kekotoran dan penyakit. Keadaan yang seperti ini boleh dikatakan berlaku di banyak tempat terutama di Kelantan dan di kawasan-kawasan negeri yang dikatakan mundur. Ini semua meminta perhatian berat dari pihak Kerajaan bagi mengubah keadaan hidup yang ada kepada keadaan hidup yang lebih selesa.

Di sini saya ingin menarik perhatian Kementerian Kesihatan kepada perkhidmatan kesihatan yang kurang memuaskan di Kelantan. Dari angka yang saya perolehi hanya terdapat 70 orang Doktor Kerajaan dan 42 orang Doktor swasta di Kelantan.

Jadi dengan nisbah penduduk Kelantan yang hampir 900,000 orang ramainya, seorang Doktor terpaksa merawat lebih daripada 7,500 orang penduduk. Kadar satu orang Doktor bagi 7,500 adalah suatu keadaan yang amat menyedihkan. Tidak ada sebuah negeri pun di Semenanjung ini yang mempunyai nisbah demikian. Sedangkan penyakit TB, penyakit malaria, mempunyai nisbah yang paling tinggi dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia ini.

Tuan Yang Dipertua, bagi meringankan beban hidup petani dan nelayan, Kerajaan telah memberi berbagai subsidi kepada mereka tetapi subsidi dan peluang-peluang yang diberi itu mengikut anggapan saya adalah tidak merata. Di Kelantan khususnya terdapat segolongan rakyat yang melihat subsidi dan peluang-peluang yang diberi oleh Kerajaan dengan putih mata. Mungkin barangkali mereka adalah terdiri dari penyokong-penyokong parti Pembangkang. Mereka ini merasakan betapa tidak adilnya Kerajaan. Mereka juga merasakan ada golongan dan orang-orang yang tertentu yang menyekat rezeki mereka, hingga mereka terlepas peluang-peluang untuk menambahkan rezeki. Mereka merasakan betapa payahnya mendapatkan pekerjaan untuk anak-anak mereka dan dengan ini mereka begitu kecewa dan kekecewaan inilah yang menyebabkan timbulnya rasa iri hati kepada Kerajaan dan orang-orang Kerajaan. Sehingga timbul rasa benci yang mendalam kepada Kerajaan dan bila keadaan ini makin lama makin menebal, ianya akan lebih senanglah dan akan memudahkan pihak-pihak yang memang anti Kerajaan membuat hasutan dan mereka dengan senang pula menerima segala hasutan-hasutan demikian.

Oleh itu adalah diharapkan Kerajaan yang Bersih, Cekap dan Amanah ini tidak akan meneruskan amalan-amalan yang membeza-bezakan rakyatnya.

Tuan Yang Dipertua, usaha bagi mendapatkan pasaran bagi barangan kita di luar negeri hendaklah digiatkan supaya imbang bayaran negara dapat mencatatkan kadar yang memuaskan. Rombongan-rombongan dagang Malaysia hendaklah benar-benar berhasrat untuk mencari keuntungan kepada negara. Jangan

ianya merupakan suatu tugas sambil melancung sahaja. Wang habis hasilnya tidak ada.

Di sini saya ingin merakamkan dan mengucapkan tahniah kepada kejayaan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah mendapatkan pasaran yang agak besar bagi minyak kelapa sawit kita di Brazil dalam lawatannya baharu-baharu ini.

Tuan Yang Dipertua, dalam ucapan ini saya ingin menyentuh sedikit soal penjimatan yang dilakukan oleh Kerajaan. Saya mengharapkan dasar ini hendaklah benar-benar menguntungkan negara. Adalah tidak wajar kalau pengamalan dasar ini hingga boleh merugikan Kerajaan sendiri.

Sebagai contohnya saya mendapat maklumat bahawa kerana inginkan penjimatan, banyak bot-bot ronda kastam yang tersadai tidak dapat digunakan kerana ketiadaan peruntukan, sedangkan bot-bot ronda itu penting digerakkan bagi mencegah berbagai penyeludupan. Penyeludupan bijih timah umpamanya, barang-barang lari cukai dan akhir ini kita dapati dalam berita akhbar bahawa penyeludupan pasir berlaku ke Singapura. Semuanya ini adalah kegiatan-kegiatan yang merugikan negara.

Tuan Yang Dipertua, dasar penjimatan adalah merupakan suatu dasar yang baik. Oleh itu, saya mencadangkan supaya suatu gerakan atau suatu kempen jimat cermat hendaklah diadakan di seluruh negara. Biar ianya merupakan suatu gerakan yang menyeluruh yang akan menjadikan seolah-olah jimat itu suatu cara hidup rakyat negara ini. Kita mahu dasar ini menjadi amalan kepada semua Jabatan dan Agensi Kerajaan. Bukan sahaja di zaman

menghadapi kemelesetan ekonomi negara, tetapi juga diamalkan pada setiap masa.

Saya mencadangkan demikian kerana kita sering didedahkan dengan berbagai pembaziran yang berlaku di Jabatan Kerajaan dan Agensi Kerajaan. Kita sering melihat di mana-mana di seluruh negara harta Kerajaan, kenderaan umpamanya yang tersadai beberapa lama di pekarangan-pekarangan atau di belakang-belakang pejabat, tanpa diketahui ianya boleh dipakai ataupun tidak. Kalau ianya rosak mengapa tidak dibaiki, kalau ianya sudah tidak boleh dipakai, mengapa tidak dimusnahkan, dan mengapa hanya dibiarkan menyemak di pekarangan pejabat beberapa lama.

Pada suatu ketika baharu-baharu ini saya ke Johor Bahru. Saya dapati banyak kereta-kereta yang telah berpanas, berhujan di Komplek Kastam di Johor Bahru. Agaknya tentulah kereta-kereta dirampas atau ditahan kerana telah melakukan kesalahan dalam hal penyeludupan, umpamanya. Saya rasa adalah lebih baik, adalah lebih menasabah kereta-kereta itu kalau patut dilelong, dilelongkan sahaja. Mengapa dibiarkan begitu lama berpanas dan berhujan hingga mensusutkan nilai kenderaan-kenderaan yang tersebut?

Dan baharu-baharu ini saya terbaca dalam surat khabar Utusan Melayu pada 21hb Oktober, 1983 yang telah mendedahkan alat-alat sakit jantung yang berharga lebih \$1 juta dibiarkan tanpa digunakan di Hospital Universiti, sedangkan alat-alat itu hanya boleh digunakan hanya dalam tempoh lapan tahun sahaja.

Demikianlah saya mendedahkan sedikit atau secebis kesah pembaziran yang berlaku ke atas harta rakyat oleh pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan. Dewan ini meminta perhatian berat dari setiap

Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan supaya amanah rakyat tidak akan disia-siakan.

Barangkali Jabatan Audit Negara dan Jawatankuasa Kira-kira Wang atau PAC boleh memainkan peranan yang berkesan bagi memastikan perkara pembaziran ini tidak akan berlaku lagi di masa-masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan ini saya ingin menyentuh sedikit mengenai perkara kekecuaan yang berlaku di antara Jabatan Kastam dengan BPR baharu-baharu ini. Kita semua tahu bahawa baharu-baharu ini BPR telah menggiatkan operasinya di Jabatan Kastam. Saya mengucapkan syabas. Bahkan saya mengharapkan operasi yang seperti itu dilakukan juga kepada Jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain supaya amalan rasuah yang menjadi salah satu faktor kerosakan negara dapat dihapuskan atau sekurang-kurangnya menurun ke tahap yang paling minima.

BPR hendaklah tidak segan-segan bergerak di mana sahaja dan dalam golongan apa sahaja. Tetapi dalam kejadian baharu-baharu ini, saya merasakan amat dukacita kerana gerakan itu hebohnya adalah lebih besar daripada apa yang sepatutnya. Kalau boleh biarlah ianya merupakan suatu operasi senyap kerana tujuan kita bukan gemanya tetapi ialah hasilnya.

Oleh kehebutan-kehebutan ini hingga melibatkan pula orang-orang politik, ada Menteri yang membela pihak Kastam dan ada Menteri yang membela pihak BPR. Seolah-olah kedua-dua pihak ini saling bermusuhan, sedangkan kedua Jabatan ini adalah mempunyai tujuan yang sama iaitu mencari keuntungan untuk negara ini.

Saya juga merasa amat sedih bila ada golongan yang menuduh bahawa rasuah sudah menjadi kebudayaan

dalam Jabatan Kastam. Pada saya tuduhan demikian selain daripada menjatuhkan imej Kastam negara ini di mata dunia luar, ianya juga merupakan satu usaha yang tidak konstruktif kerana ia boleh meruntuhkan keupayaan Jabatan itu sendiri, yang kalau ini berlaku sudah tentu tidak menguntungkan negara ini.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya, saya ingin menyentuh sedikit mengenai perpaduan rakyat dalam negara ini. Saya suka menyentuh tentang masalah perpaduan ummat yang menjadi hasrat dan tujuan setiap negara membangun seperti Malaysia.

Penduduk Malaysia yang merupakan satu masyarakat yang majmuk mempunyai bermacam-macam masalah, sudah banyak usaha dilaksanakan oleh Kerajaan dalam usaha penyatuan rakyat ini; bermacam-macam sistem kita bentuk; dengan sistem pelajaran, dengan penyatuan kebudayaan, penyatuan bahasa dan sebagainya. Tetapi malangnya hari ini di kalangan masyarakat Islam umpamanya terdapat perpecahan yang boleh dikatakan serius tetapi mungkin bagi pihak Kerajaan tidak memandangnya serius.

Perpecahan ini berlaku disebabkan oleh fahaman politik yang dianuti oleh rakyat dalam negara ini. Tuan Yang Dipertua, akibat dari bermacam-macam aliran politik yang didukung oleh mereka ini berlakulah perpecahan dan perpecahan ini telah pun bermula sejak tahun 1950an lagi dan di akhir-akhir ini nampaknya makin bertambah hebat.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana memandangkan keadaan ini satu keadaan yang serius, maka diharapkan Kerajaan akan memandangnya dengan keadaan yang serius juga. HAMIM (Partai Hazibul Muslimin Malaysia) ditubuhkan adalah satu

daripada tujuannya ialah dengan hasrat untuk menyatukan kembali segala perkara yang dirasakan tidak diingini berlaku dalam masyarakat Islam ini. HAMIM adalah ditubuhkan berdasarkan kepada Islam seperti juga satu parti politik yang saya hendak sebutkan di sini iaitu PAS, juga berdasarkan Islam tetapi disebabkan oleh pembawaan dan kaedah-kaedah yang berlainan maka kami berpecah di antara PAS dengan HAMIM. Hari ini pihak radikal dalam negara ini khususnya dalam Parti PAS telah menjalankan hasutan-hasutan yang kami fikir adalah membahayakan negara ini sendiri dan Kerajaan hendaklah memandang berat dalam perkara ini kerana tentulah HAMIM sendiri tidak mampu bagi menghapuskan keadaan-keadaan yang saya sebutkan tadi. Jadi saya harap pihak yang berwajib dalam Kerajaan memandang berat dalam hal ini membantu kami, membantu HAMIM dalam usaha menyatukan kembali perpecahan umat dalam negara ini.

Sekian, Tuan Yang Dipertua, dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang hari ini untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1984 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Sekian, terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.04 ptg.

**Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda):** Tuan Yang Dipertua, saya juga mengambil bahagian di dalam perbahasan ini bagi menyokong Belanjawan negara yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan tempoh hari.

Sebelum daripada itu saya ingin menyebutkan satu perkara yang telah pun disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat iaitu

mengenai kebocoran perkara-perkara rasmi Kerajaan iaitu mengenai beberapa ramalan ataupun mengenai kenaikan cukai yang akan dibentangkan oleh pihak Kerajaan.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang amat mustahak bagi Kerajaan untuk membendung supaya perkara ini tidak terlepas dan tidak terkeluar daripada pihak Kerajaan kepada punca-punca yang kita tidak sukai kerana dengan pecahnya perkara-perkara sulit Kerajaan ianya akan diambil oleh orang yang tidak bertanggungjawab terutamanya peniaga-peniaga dalam usaha untuk menanggung keuntungan yang lebih. Misalnya, sebelum daripada kenaikan cukai-cukai yang akan dibentangkan oleh Kerajaan, kita dapati setengah daripada pekedai-pekedai yang telah memberhentikan perniagaan, ada pekedai-pekedai yang menyuruh pelanggannya datang minggu hadapan setelah ucapan Belanjawan ini dibuat. Ada juga peniaga motosikal langsung tidak mahu menjual motosikal mereka kerana mereka mengetahui bahawa kenaikan cukai ini akan dibuat oleh pihak Kerajaan. Jadi saya menyeru kepada pihak Kerajaan supaya dapat menjaga, mengawal dan seterusnya mengambil tindakan mengikut Perintah Am jika sekiranya pegawai kerajaan yang diamanahkan untuk menjaga perkara-perkara sulit itu dibocorkan. Membocorkan rahsia-rahsia itu adalah merupakan satu kerugian kepada negara.

Satu perkara yang menjadi kebiasaan di dalam membentangkan ucapan Belanjawan ini ialah jangkaan yang dibuat oleh pihak Kerajaan. Biasanya jangkaan-jangkaan yang dibuat oleh pihak Kerajaan itu adalah biasanya tidak tepat, dengan itu menimbulkan berbagai masalah. Jangkaan pada tahun 1981 misalnya mengatakan bahawa keadaan ekonomi kita akan bertambah baik pada tahun 1982, dalam tahun

1982 kita menjangka lagi bahawa keadaan ekonomi kita akan bertambah baik pada tahun 1983 dan begitulah seterusnya pada tahun 1983 kita menjangkakan bahawa keadaan ekonomi kita akan bertambah baik pada tahun 1984. Tetapi jangkaan-jangkaan yang telah dibuat itu bolehlah dikatakan segala-galanya meleset, tidak tepat. Dengan itu kita janganlah terlalu mengharap kepada jangkaan-jangkaan itu malahan kita perlulah mengambil tindakan yang sesuai dan wajar untuk memperbaiki kedudukan ekonomi negara kita ini.

Saya hanya ingin menyentuh sedikit mengenai kenaikan cukai yang telah pun dibentangkan oleh pihak Kerajaan. Saya menyetujui tentang kenaikan cukai import motosikal sebanyak 10% daripada 45% kepada 55% tetapi saya memintalah kepada Kerajaan supaya menimbangkan motosikal yang "cc"nya 70 atau 90 cc itu tidaklah dinaikkan cukai import sebanyak 10% itu kerana apa yang saya pandangkan sebahagian besar daripada pengguna-pengguna motosikal adalah penduduk-penduduk luar bandar, oleh pelajar-pelajar dan pada anggapan saya bahawa motosikal jenis ini bukanlah merupakan satu barang mewah, malahan ia merupakan satu keperluan bagi petani-petani membawa bahan-bahan pertanian, bahan dagangan kampung untuk dibawa ke pasar.

Saya merayu sekali lagi supaya cukai ini dapat ditimbangkan semula. Saya bersetuju jika sekiranya cukai ke atas motosikal ini dinaikkan kepada motosikal-motosikal yang digunakan untuk bersiar-siar seperti "Scrambler" misalnya, motosikal yang 500 cc atau 350 cc yang hanya digunakan untuk kegunaan semata-mata untuk berlumba di jalan raya, misalnya.

Mengenai cukai import video dan pita video yang telah dikurangkan oleh Kerajaan dan cukai pita video yang

telah dihapuskan oleh Kerajaan. Saya sebenarnya tidak berapa gembira di atas penurunan dan pemotongan cukai ke atas video dan pemotongan cukai ke atas pita video ini kerana ianya akan menggambarkan satu masyarakat Malaysia yang hanya melihat ke arah keseronokan, kegembiraan, berpesta. Di samping itu juga kita tidak dapat mengawal dengan baik kemasukan filem-filem video ini yang setengahnya telah diharamkan oleh Kerajaan tetapi kita masih dapat melihat melalui pita video ini. Di sini kita perlulah mengetahui sama ada perlu memahami bahawa fungsi video ini adalah semata-mata untuk hiburan sedangkan fungsi Radio dan Televisyen adalah bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan kepada masyarakat. Jadi ini menunjukkan pertentangan jika sekiranya satu pihak menurunkan cukai ke atas pita video supaya kita berhibur dan dasar RTM pula untuk memberikan pengajaran lebih daripada hiburan.

Perkara yang kedua ialah mengenai penerapan yang sekarang ini Kerajaan adalah lebih mementingkan penerapan mengenai nilai-nilai Islam. Ini juga saya rasa sedikit sebanyak akan menjejaskan penerapan nilai-nilai Islam dalam negeri ini. Dengan kemasukan pita-pita video yang tidak patut yang tidak layak ditonton. Selanjutnya, adakah yang saya sebutkan tadi menjadi keupayaan, adakah Kerajaan berkeupayaan untuk mengawal kemasukan pita-pita video yang biasanya lebih banyak yang datangnya daripada Barat dan daripada Hong Kong? Kerajaan sekarang ini adalah berusaha untuk menyatu-padukan rakyat dalam bentuk integrasi yang lebih mendalam. Jadi, sekiranya rakyat setengah-setengah suku kaum menikmati filem-filem video daripada negara Hong Kong, negara Indonesia dan negara Inggeris maka saya rasa perasaan cintakan kepada negara ini tidak dapat

disemai, dengan begitu baik. Itulah pandangan saya mengenai cukai-cukai video yang telah dikenakan oleh pihak Kerajaan.

Sekarang saya ingin masuk sedikit kepada soal pembangunan di dalam negara ini. Saya ini Ahli Parlimen Ulu Muda yang seratus peratus kawasannya adalah kawasan pendalaman. Dan saya percaya juga lebih 70% daripada Ahli-ahli Yang Berhormat adalah daripada kawasan luar bandar. Dengan itu sudah ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyebutkan soal pembasmian kemiskinan dan memberi kemudahan-kemudahan sosial lebih kepada masyarakat di luar bandar. Dengan itu daripada jumlah \$8,676 juta ataupun 31% daripada peruntukan pembangunan Kerajaan adalah tidak cukup untuk memberi kemudahan yang agak sempurna, kemudahan infrastruktur, kemudahan sosial kepada masyarakat luar bandar. Ini hasil daripada perkiraan yang telah saya buat.

Di dalam Laporan Ekonomi Tahun 1983-1984 yang mengatakan bahawa peruntukan sejumlah \$8,676 juta adalah memadai bagi membiayai projek-projek yang mempunyai kontrak-kontrak yang telah dimetrikkan dan projek-projek yang memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Daripada Laporan ini secara langsung tidak langsung menyebut soal pembasmian kemiskinan yang masih menjadi kenyataan sekarang ini. Dan laporan ini juga tidak menyentuh mengenai pemberian kemudahan sosial untuk kemudahan penduduk-penduduk luar bandar. Dengan itulah kita dapati peruntukan bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah dipotong sebanyak \$190,200,105 untuk tujuan pembangunan. Potongan ini adalah terlalu besar pada

pandangan saya kerana dalam tahun 1983 Kementerian ini telah diperuntukkan dengan \$916 juta lebih dan tahun 1984 hanya mendapat \$725,811,180.

Keseluruhan semua 10 aktiviti pembangunan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini telah dikurangkan. Ini satu perkara yang sedih bagi saya dan saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya dapat menimbangkan pertambahan peruntukan bagi Kementerian ini kerana Kementerian ini pada pandangan saya adalah penting dan mustahak untuk pembangunan kawasan-kawasan di luarbandar.

Bagi peruntukan elektrik luar bandar, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$759 juta untuk elektrik. Daripada jumlah itu sebanyak \$89,050,000 adalah untuk bekalan elektrik luar bandar ataupun BELB. Ini menunjukkan pengurangan sebanyak \$70 juta lebih daripada tahun sudah, daripada tahun 1983. Pengurangan ini sudah pasti akan menjejaskan program untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat kampung yang sememangnya sudah lama tertinggal. Saya sekali lagi merayu kepada Kerajaan supaya dapat memberi tambahan kepada bekalan projek-projek untuk bekalan elektrik luar bandar ini.

Dari jumlah peruntukan BELB yang telah diberikan, saya telah membuat perhitungan hitung panjang pembahagian untuk negeri-negeri, iaitu jika kita bahagikan kita akan mendapat hanya \$6,884,615 pembahagian bagi negeri-negeri. Kalau satu projek misalnya berharga \$200,000 maka satu negeri hanya akan mendapat 34 atau 35 projek sahaja bagi satu-satu negeri itu. Bagi negeri Kedah misalnya kita ada 11 buah daerah, maka tiap-tiap daerah hanya akan mendapat tiga projek

sahaja bagi tahun 1984. Tetapi kira-kira yang saya telah buat ini adalah merupakan satu kira daripada ilmu hisab biasa yang saya buat. Keadaan yang sebenarnya peruntukan dalam \$85,500,000 itu adalah tidak mencukupi bagi menjelaskan hutang-hutang tahun 1983 untuk projek BELB.

Begitulah juga keadaannya dengan peruntukan-peruntukan bekalan air luar bandar dan juga jalan-jalan luar bandar iaitu program menaikkan taraf jalan luar bandar. Jadi kesimpulan pada bahagian ini menunjukkan bahawa tidak satu pun projek-projek luar bandar dapat dilaksanakan, diluluskan dalam erti kata lain bagi tahun 1984. Projek yang berjalan dalam tahun 1984 adalah merupakan sambungan kepada projek-projek tahun 1983.

Saya katakan tadi bahawa soal kemiskinan ini adalah merupakan satu masalah negara yang telah lama dibincangkan. Telah banyak seminar-seminar dijalankan dan kita telah ketahui punca masalah. Kita telah tahu siapa yang miskin. Cuma sekarang ini adalah menjadi suatu perkara persoalan, perbincangan bagaimanakah masalah kemiskinan di kawasan luarbandar itu dapat diselesaikan oleh pihak Kerajaan dengan cara yang sesuai, wajar dan baik supaya orang-orang kampung yang telah tertinggal ini tidak lebih menderita disebabkan oleh kegelapan kampung mereka, debu jalan mereka dan juga air yang kurang sempurna bagi mereka.

Bagi negeri Kedah, sekarang ini menanggung tiga beban. Sudahlah termiskin, nombor dua miskin di Malaysia ini, sekarang ini menanggung tiga beban.

Beban yang pertama ialah menyara negara ini dalam bentuk pengeluaran padi, beras untuk dimakan.

Keduanya menyambungkan bekalan air untuk pertanian ke negeri Perlis dan juga Pulau Pinang. Ini beban bagi negeri Kedah yang tidak dibayar yang tidak mendapat sedikit pun caruman daripada pihak Kerajaan.

Beban yang ketiga, beban ini walaupun tidak nampak tetapi memang satu beban iaitu beban daripada segi keselamatan kerana negeri Kedah letaknya di perbatasan dan bersempadan dengan Malaysia-Thai. Walaupun Kementerian Pertanian mendapat peruntukan yang kurang dari tahun lalu iaitu kurang sebanyak 92 juta, saya berharap pihak Kementerian akan dapat mencari peruntukan tambahan dan peruntukan tambahan ini dipinta untuk disalurkan ke negeri Kedah, negeri pertanian.

Dalam sektor pertanian, iaitu sektor yang termiskin di negara ini, dalam satu kajian di negeri Kedah menunjukkan jumlah keluaran kasar bagi sektor pertanian adalah semakin menurun dari segi peratusannya. Misalnya tahun 1970 jumlah keluaran kasar sektor pertanian adalah 57.3%. Dalam tahun 1980 turun kepada 51.5% dan projection bagi 1990 akan turun lagi menjadi 41.9% sahaja. Di sektor pertanian dalam satu kajian yang telah dibuat dalam negeri Kedah menunjukkan penurunan-penurunan yang makin ketara dari masa ke semasa. Ini adalah bersabit dan bersambung dengan soal kemiskinan di kawasan-kawasan pertanian dan kawasan-kawasan luar bandar.

Dengan hal yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Pertanian agar dapat mengukuhkan dasar-dasar pertanian negara supaya sektor pengeluaran, sektor pertanian ini dapat ditingkatkan. Walaupun telah beberapa orang Ahli Yang Berhormat daripada negeri Kedah memohon kepada Kerajaan Pusat supaya pengiraan dibuat agar royalti

pengeluaran padi diberikan kepada negeri Kedah tetapi perkara ini tidak dapat ditunaikan. Saya yakin bahawa permohonan kali ini pun tidak akan mendapat perhatian yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, saya berharap supaya usaha-usaha bagi meningkatkan pengeluaran sektor pertanian negeri ini terutama di Negeri Kedah akan diutamakan oleh Kementerian Pertanian. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana telah menambah peruntukan kepada pihak MADA yang bertanggungjawab di dalam pembangunan pertanian padi di negeri Kedah sebanyak \$26,348,000 telah diperuntukkan. Ini menunjukkan tambahan sebanyak \$2,521,200 jika dibandingkan dengan peruntukan yang telah diluluskan pada tahun 1983.

Mengenai peranan MADA ini saya inginlah mencadangkan kepada pihak Kementerian Pertanian agar dapat menambahkan peruntukan kepada pihak MADA supaya MADA dapat memajukan beribu ekar sawah padi yang terbiar di dalam kawasan MADA. Kawasan-kawasan sawah yang terbiar ini sebenarnya wujud adalah disebabkan oleh rancangan pembangunan perairan MADA itu sendiri. Setelah sungai-sungai MADA ini siap dibina terdapat beberapa kawasan sawah yang kering ataupun sentiasa digenangi air akibat daripada pembinaan sungai MADA ini yang telah diwujudkan dahulu. Jadi, keadaan ini bukanlah satu perkara yang baharu malah ianya terjadi sejak tahun 1970 lagi tetapi sehingga kini telah hampir 13 tahun berlalu tidak ada tindakan-tindakan yang serius . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat, izinkan saya memaklumkan Yang Berhormat ada dua minit sahaja lagi.

**Tuan Othman bin Abdul:** Terima kasih. Saya cuba hendak ringkaskan

keadaan ini. Jadi, satu perkara yang baharu timbul di dalam kawasan MADA ini ialah Kerajaan akan memberhentikan penanaman padi pada musim ini. Saya hendak memohon kepada Kerajaan supaya dapat memberikan satu alternatif bagi musim ini kerana sudahlah petani-petani itu tidak dapat mengerjakan sawah dan sawah mereka dikeringkan pada tahun ini dengan harapan untuk mematikan satu keadaan penyakit yang telah menyerang negeri Kedah. Jika sekiranya tidak ada satu alternatif, saya yakin bahawa keadaan petani-petani di kawasan ini akan bertambah teruk keadaannya.

Kerana masa tidak mengizinkan, satu perkara yang mustahak yang saya ingin perkatakan di sini ialah mengenai penerapan nilai-nilai Islam yang telah pun banyak dibangkitkan. Saya hanya hendak menyentuh satu perkara iaitu penerapan nilai-nilai Islam di kalangan belia kerana pada pandangan saya belia-belia sekarang ini adalah digunakan untuk tujuan yang saya sebutkan, dengan izin, ceremonial semata-mata, tetapi tidak berbentuk ke arah untuk membina belia-belia itu sendiri untuk hidup dengan sendirinya.

Oleh sebab masa tidak mengizinkan, itulah sahaja ucapan saya dan saya menyokong ucapan Belanjawan negara dan menyokong Rang Undang-undang Bekalan bagi tahun 1984.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Hilir padas.

5.25 ptg.

**Tuan Mohamed Yusof bin Haji Yaakob (Hilir Padas):** Tuan Yang Dipertua, saya berdiri ingin menyertai perbincangan mengenai Rang Undang-undang Kewangan bagi Anggaran Belanjawan 1984 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan baharu-baharu ini.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah dapat membentangkan satu Belanjawan yang adil, sederhana dan yang tidak membebankan golongan yang berpendapatan rendah. Ekoran dari ini saya ingin menyentuh beberapa perkara.

Tuan Yang Dipertua, Belanja Mengurus sebanyak lebih dari \$19,000 juta dan Belanja Pembangunan sebanyak lebih dari \$18.6 ribu juta adalah merupakan perbelanjaan yang agak besar. Saya berharap supaya perbelanjaan yang sedemikian rupa ini akan dapat dinikmati oleh sebilangan besar penduduk luar bandar.

Kita semua sedar bahawa sebilangan besar dari penduduk luar bandar masih lagi hidup di bawah paras kemiskinan. Justeru itu, Kerajaan harus memberi keutamaan di dalam melaksanakan apa juga rancangan yang bertujuan menaikkan taraf hidupan rakyat di luar bandar. Selain daripada menyusun semula masyarakat yang berbilang kaum di negara ini Dasar Ekonomi Baru seperti juga kita sedia maklum juga bertujuan untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat. Saya rasa matlamat ini yang paling penting, kerana walau apa juga pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan ianya tidak akan bermakna sepenuhnya jika sebilangan besar dari rakyat masih lagi hidup di bawah paras kemiskinan. Ianya hidup tidak akan bermakna jika negara kaya tetapi rakyat masih miskin.

Tuan Yang Dipertua, tidak ada manusia di dalam dunia ini yang ingin hidup susah, yang ingin hidup di dalam derita dan sengsara. Saya sedar bahawa ada juga kesusahan dan penderitaan itu ditempo ataupun mereka tidak bersusah atau berusaha gigih tetapi di sebaliknya kita harus sedar bahawa ada juga mereka yang

berusaha tetapi oleh kerana keadaan sesuatu mereka tidak berkeupayaan untuk mengubah nasib dan hidup mereka dari dilanda derita.

Di dalam keadaan serupa inilah saya menyeru Kerajaan supaya meningkatkan usaha demi membantu mereka ini.

Saya juga merayu kepada Kerajaan supaya melipatgandakan pembangunan di luar-luar bandar demi memastikan bahawa kenikmatan yang diperolehi oleh negara ini dirasakan oleh mereka yang kurang bernasib baik ini. Saya juga merayu kepada Kerajaan supaya Dasar Ekonomi Baru ini dilaksanakan terus selepas tahun 1990 hingga ianya mencapai matlamat yang dikehendaki.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menyentuh beberapa perkara yang telah juga disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan beberapa hari yang lalu di Dewan yang mulia ini.

Pertama, saya ingin merakamkan kesal saya terhadap beliau kerana bukan sahaja ucapan beliau itu tidak berasas tetapi apa yang menyedihkan saya ialah beliau seolah-olah mengeneipkan kewujudan dasar Bahasa Kebangsaan. Beliau nampaknya tidak pandai bertutur dalam Bahasa Malaysia sehinggakan rakan beliau iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kepong terpaksa menjadi jurumudi beliau.

Saya sendiri sukar hendak memahami apa yang dituturkan oleh beliau itu. Apa yang menyedihkan lagi ialah sesudah kita mencapai kemerdekaan begitu lama dan memandangkan bahawa Bahasa Malaysia merupakan bahasa rasmi negara ini masih ada lagi warganegara Malaysia seperti Ahli Yang Berhormat dari Sandakan yang tidak tahu berbahasa Malaysia ataupun sengaja tidak mahu belajar bertutur dalam Bahasa Malaysia.

Kalau kita singkap kembali sejarah kita sedar bahawa Bahasa Melayu telah pun digunakan oleh sebilangan besar penduduk di Sabah termasuk di Sandakan beratus tahun yang lalu. Oleh yang demikian, tidak ada sebab kenapa Ahli Yang Berhormat dari Sandakan tidak boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia. Dalam hemat Ahli Yang Berhormat dari Sandakan sengaja tidak mahu belajar menggunakan bahasa rasmi ini. Sebenarnya Tuan Yang Dipertua, tidak ada masalah bagi seseorang itu untuk belajar menggunakan Bahasa Malaysia. Masalahnya ialah seseorang individu itu sama ada dia mahu ataupun tidak menggunakan bahasa rasmi ini, andai kata pepatah : "Kalau hendak seribu daya dan kalau tidak hendak seribu dalih".

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Sandakan dengan panjang lebar telah juga membangkitkan beberapa isu mengenai pengisytiharaan Pulau Labuan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan. Mengapa harus diperhebohkan. Tidak ada rakyat di Labuan yang kena tipu, tidak ada rakyat di Labuan yang dirampas hartanya; tidak ada kacau bilau di Labuan, malahan Pulau Labuan penduduk-penduduknya adalah hidup di dalam sejahtera dan gembira mendengar perisytiharan ini. Saya sebagai wakil dari Labuan mengenali lebih mendalam lagi daripada ahli dari Sandakan kerana beliau sendiri mungkin tidak pernah melawat ke Labuan. Jadi ahli dari Sandakan telah melemparkan tuduhan bahawa tiada sebarang pungutan suara (referendum) dan tidak ada dibincangkan di peringkat Kabinet Negeri.

Saya rasa kesal dan sedih atas tuduhan serupa ini kerana ianya menunjukkan bahawa ahli dari Sandakan cuba sedaya-upaya untuk menggunakan Dewan yang mulia ini

sebagai sebuah arena di mana beliau ingin memutar-belitkan keadaan yang sebenar. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Yang mulia ini, cadangan untuk menjadikan pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan telah pun dikaji dibincang dan seterusnya diluluskan oleh Kabinet Negeri Sabah, iaitu satu kuasa yang tinggi mutlak di negeri Sabah. Soal referendum tidak perlu, seperti yang dijelaskan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerana kepentingan penduduk di Sabah termasuk penduduk di Labuan tidak akan terganggu dan tidak akan terjejas.

Tuan Yang Dipertua, tujuan Kerajaan BERJAYA di dalam hal ini adalah ikhlas, suci dan murni. Tujuan untuk mengisytiharkan pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan adalah baik demi kepentingan rakyat negeri Sabah khususnya dan perhubungan di antara negeri Sabah dan Persekutuan amnya. Ianya bukan sahaja merapatkan lagi perhubungan di antara Sabah dan Persekutuan tetapi juga akan dapat membangunkan pulau Labuan dengan lebih berkesan lagi. Apa yang menyedihkan saya ialah tujuan yang ikhlas, suci dan murni ini telah disalah tafsirkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab seperti ahli dari Sandakan yang suka dan gemar memutar-belitkan keadaan demi kepentingan politik beliau tanpa mengira kepentingan rakyat di Sabah khususnya dan di seluruh negeri Malaysia amnya.

Tuduhan beliau bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah mempunyai 70% kawasan tanah di pulau Labuan adalah tidak berasas sama sekali. Tuduhan beliau ke atas Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang keciwa dan apabila seorang itu dirundung di dalam kekeciwaan tindak-tanduknya akan menjadi liar dan tidak berasas dan ianya dibuat semata-mata untuk

kepuasan hati. Sebenarnya, ahli dari Sandakan ialah seorang yang dengki dan cemburu atas kejayaan yang dicapai oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dan apa yang dicapai oleh Parti BERJAYA dan sokongan penuh dari rakyat jelata kepada parti yang memerintah.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh lain-lain perkara. Pertama mengenai jalan raya ada di Sabah. Seperti Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum jalan raya adalah merupakan satu daripada infrastruktur yang penting di dalam kehidupan kita seharian. Jalan raya juga merupakan penggerak di dalam pembangunan negara terutamanya di kawasan luar bandar. Dalam pembangunan inilah saya merayu kepada Kerajaan supaya dapat diperbaiki dan membubuh tar terutama sekali jalan-jalan raya penting yang ada di Sabah seperti lebuhraya Beaufort/Sandumin; Lahat Datu/Sampurna; Sandakan/Kelupit; Lahat Datu ke Sandakan; Belungis/Kota Belut; Tawau/Marutu dan Lahat Datu ke Kapit. Saya telah beberapa kali memohon terutamanya lebuhraya Beaufort/Sandumin untuk ditar tetapi apa yang menyedih dan mengesalkan, jawapan tahun demi tahun ialah daripada Kementerian yang berkenaan bahawa perkara ini akan dipertimbangkan. Setiap kali ialah akan di pertimbangkan. Jadi saya tidak suka bercakap banyak di sini, cuma saya ingin merayu kepada pihak yang berkenaan iaitu Menteri Kerjaraya dan kakitangan beliau supaya dapat datang ke Sabah untuk melihat keadaan jalan-jalan raya di Sabah untuk memastikan supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Apa yang mengesalkan keadaan lebuhraya tersebut masih lagi di dalam keadaan yang aib di mana ianya penuh dengan lubang di sana sini waktu hujan dan para pengguna terpaksa menghirup udara debu di musim kemarau.

Tuan Yang Dipertua, seperkara lagi saya ingin menyentuh ialah mengenai hal ehwal pelajaran di Sabah. Jika kita tinjau kenaikan peratusan kelulusan SRP dan SPM iaitu bagi peratusan SRP pada tahun 1980 ialah 43% naik kepada 48% pada tahun 1982 dan bagi peratusan SPM pada tahun 1980 ialah 43% kepada 46.4% pada tahun 1982 bukanlah merupakan kenaikan peratusan yang begitu tinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Malaysia ini. Perkara ini sangat membimbangkan terutama sekali jika sedar dewasa ini pembangunan di Sabah adalah pesat di mana ianya memerlukan tenaga mahir dan separuh mahir di dalam melaksanakannya.

Di dalam hubungan ini saya merayu supaya Kementerian Pelajaran mengambil perhatian yang serius dan mengambil langkah dan tindakan positif demi mengatasi masalah ini. Kita harus sedar bahawa sesuatu prestasi pelajaran yang dicapai di sesebuah sekolah itu sedikit sebanyak tertakluk kepada keadaan dan kemudahan yang wujud di sekolah itu. Kalau suasana tidak tenteram sudah pasti perjalanan dan penerimaan pelajaran oleh anak-anak di sekolah tersebut akan terganggu yang akhirnya menjejaskan kebolehan dan keupayaan anak-anak itu di masa hadapan.

Satu perkara yang penting yang harus kita sedari juga ialah orang yang memainkan peranan utama di dalam meninggikan prestasi pencapaian pelajaran ini ialah guru-guru itu sendiri. Kalau guru itu lemah maka lemahlah anak murid itu. Justeru itu saya merayu kepada guru-guru sekolah yang berkhidmat di Sabah supaya mengorbankan tenaga dan masa dengan cekap, bersih dan amanah demi kepentingan bangsa dan negara. Saya juga berharap supaya mereka ini jangan mempersoalkan di mana mereka diarah untuk mengajar

walau di kawasan pendalaman sekalipun kerana mereka adalah bertanggungjawab di dalam mendidik anak bangsa kita demi kepentingan negara.

Saya juga merayu supaya Kerajaan dapat melaksanakan pembinaan lebih banyak lagi sekolah-sekolah agama di negeri Sabah. Tujuan Kerajaan untuk menyerapkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran Kerajaan adalah baik. Namunpun demikian penyerapan nilai Islam ini haruslah dipupuk di peringkat awal lagi iaitu di kalangan anak-anak sekolah yang beragama Islam khususnya. Justru itu saya merayu supaya Kerajaan membangunkan lebih banyak lagi sekolah-sekolah agama Islam ini di seluruh negara bukan sahaja di Sabah. Adalah diharapkan supaya penyerapan nilai-nilai Islam ini akan meninggikan lagi prestasi pembangunan dan menjalinkan kesejahteraan yang lebih bermakna di kalangan rakyat jelata.

Tuan Yang Dipertua, kebudayaan nasional telahpun diterima oleh semua golongan rakyat. Oleh yang demikian, soal dasar kebudayaan seharusnya tidak timbul lagi. Yang penting ialah soal pelaksanaan dasar itu. Apa yang saya ingin membangkitkan di sini ialah mengenai soal sastera. Nampaknya sebilangan besar rakyat di negara ini masih lagi teraba-raba mengenai dengan pembangunan dan kesan sastera terhadap kebudayaan dan pelajaran di negara ini. Nampaknya sebilangan besar daripada rakyat di negara ini tidak berminat mengenai perkembangan sastera. Ini mungkin tiada galakan dari pencinta sastera untuk mengembangkan sastera ke pelusuk tanahair kita.

Tuan Yang Dipertua, manakala negara jiran kita Indonesia mempunyai ahli sastera dan ahli filosofi, seperti allahyarham Professor Dr Hamka, negara kita juga kaya

dengan ahli sasterawan yang bijak pandai seperti Kris Mas, Allahyarham Ahmad Boestamam, Tongkat Waran atau Professor Osman Awang dan lain-lain lagi. Di dalam hubungan ini saya merayu pihak yang berkenaan terutamanya pihak Dewan Bahasa dan Pustaka supaya mengadakan lebih banyak lagi kursus-kursus sestera di seluruh negara dan mengadakan malam-malam puisi demi menggalakkan banyak lagi peminat-peminat sastera dan penyair di seluruh negara tampil ke hadapan demi menyumbangkan karya mereka ke arah meninggi dan memelihara kewujudan sastera di negara ini.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah Lembaga Sastera Negara demi menyelidik, memelihara dan mengembangkan sastera di negara ini.

Dengan ini, saya menyokong Anggaran Belanjawan 1984.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Bachok.

5.40 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok):** Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana kesempatan yang diberikan kepada saya untuk ikut serta dalam memperkatakan sesuatu mengenai ucapan Belanjawan Negara bagi tahun hadapan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 21hb Oktober yang lalu.

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita bersyukur ke Hadrat Allah Azza wajalla kerana dengan limpah rahmat dan nikmatnya kita diizinkan dapat hadir ke Dewan ini untuk membincang dan menimbangkan beberapa masalah rakyat, masyarakat dan negara dalam berbagai-bagai aspek yang dihadapkan kepada kita.

Wang sejumlah \$27,692 juta telah ditetapkan sebagai anggaran Belanjawan bagi tahun 1984 yang terdiri dari \$19,016 juta bagi Anggaran Belanja Mengurus dan sebanyak \$8,676 juta bagi Anggaran Belanja Pembangunan. Jumlah ini, Tuan Yang Dipertua, menunjukkan Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1984 adalah bertambah dari tahun 1983 sebanyak \$1,930 juta sementara Anggaran Belanja Pembangunan bagi tahun 1984 kurang sebanyak \$2,954.2 juta daripada tahun 1983.

Tuan Yang Dipertua, ucapan Belanjawan Negara untuk tahun hadapan adalah satu ucapan yang bernas dan memberikan harapan kepada semua golongan di dalam negara kita. Bagi golongan yang berpendapatan rendah, harapan itu tidak ternampak unsur-unsur yang menekan dan menyusahkan mereka. Mereka nampaknya beroleh perhatian khusus dari pihak Kerajaan. Cukai-cukai yang memberatkan rakyat jelata yang berpendapatan kecil, sederhana dan lumayan tidak merasa sebagai ditekan dan dipaksa membayar dan membuat sesuatu yang berlebihan dan melebihi kemampuan dan daya bayar mereka.

Mengenai keadaan ekonomi yang berjalan baik ke arah pemulihan, kita harapkan bahawa perjalanan itu akan segera sampai ke tempat yang ditujui. Mudah-mudahan negara kita akan menjadi sebuah negara bahagia di mana seluruh golongan rakyatnya dapat hidup aman damai dan harmoni sambil bekerja untuk mencapai masa depan yang bahagian bagi faedah generasi yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, walaupun tidak disebut secara langsung mengenai pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, namun usaha mendekati jurang perbezaan di antara golongan yang berada dengan

yang tidak berada harus diteruskan dengan penuh kegigihan dan kesungguhan. Kalau pada masa-masa yang lalu usaha ke arah matlamat yang wajar ini dilakukan secara berkelompok mengikut keadaan dan golongan tertentu yang dianggap sebagai anak emas dan anak tiri, maka diharapkan bahawa kaedah-kaedah yang lapuk itu tidak lagi dijadikan amalan. Langkah-langkah yang lebih tegas dan berani hendaklah segera diambil dan sebarang penyelewengan hendaklah dicegah dari terus merebak menjadi penyakit kronik yang menyekat dan menghalang tercapainya cita-cita murni dan mulia itu.

Industri perkapalan nampaknya menjadi salah satu usaha di bidang yang diberikan perhatian berat oleh Kerajaan. Barangkali industri ini pun kelak akan juga terlibat dengan rancangan pengswastaan apabila keadaan mengizinkan kelak. Bimbingan kepada golongan yang tidak berada juga harus diselitkan dalam projek industri perkapalan ini supaya ianya tidak dibolot oleh satu golongan tertentu sahaja.

Tuan Yang Dipertua, nampaknya di dalam ucapan Belanjawan itu terdapat gambaran bahawa demi mengatasi kesulitan kewangan maka beberapa projek yang telah diluluskan dan sedang di dalam peringkat pelaksanaan akan terlibat dengan usaha menjadualkan semula dan kalau perlu akan ditangguhkan hingga keadaan mengizinkan kelak. Ini dapat dibuktikan dengan kekurangan anggaran perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1984 akan datang ini sebanyak \$2,954.2 juta berbanding dengan anggaran perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1983. Jika kita lihat dan kita teliti di dalam Jadual Keempat, muka surat 14 Kertas Perintah 30 Tahun 1983, antara sektor-sektor yang paling teruk kurangnya anggaran perbelanjaan

Pembangunan bagi tahun 1984 ialah sektor keselamatan, sektor sosial dan sektor ekonomi. Dalam sektor keselamatan kurang sebanyak \$1,284.1 juta; sektor sosial kurang sebanyak \$1,061.6 juta dan sektor ekonomi kurang sebanyak \$817.2 juta. Walau bagaimanapun, kita berharap di dalam penyusunan semula senarai-senarai keutamaan itu, mana-mana projek yang memberikan manfaat secara langsung kepada rakyat jelata dan juga kepada maksud memenuhi keperluan infrastruktur yang sewajarnya, tidak akan terlibat kepada penangguhan.

Sebagai contohnya, Tuan Yang Dipertua, ialah rancangan membesarkan Lapangan terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu yang khabarnya akan dikaji semula pelaksanaannya dan kalau ini benar, maka diharapkan kajian yang sungguh mendalam hendaklah dilakukan selepas ini, sebagai rancangan yang sangat-sangat diperlukan seperti itu.

Tuan Yang Dipertua, kajian dan pertimbangan yang sungguh-sungguh teliti mengenai jawatan-jawatan yang dibekukan itu sangat mustahak dijalankan kerana dibimbangkan bahawa pelajar-pelajar kita yang diberikan segala kemudahan untuk mendapat pelajaran tinggi melalui institusi dalam dan luar negeri tidak akan menghadapi kekecewaan dengan langkah ini.

Ucapan terima kasih sekali lagi diberikan kepada pihak Kerajaan khususnya kepada Kementerian Pelajaran yang di dalam keadaan sesulit mana pun masih mengorak langkah maju, berani dan tidak akan mundur ke belakang mengenai pelajaran. Kita berharap segala usaha yang telah, sedang dan akan dilakukan di bidang pelajaran akan memberikan hasil dan natijah yang baik.

Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa dan juga universiti keenam diharapkan akan menjadi satu faktor ke arah matlamat maju ke hadapan yang lebih pesat lagi di bidang pelajaran. Dengan langkah positif seperti ini tidak syak lagi bahawa Malaysia akan muncul sebagai sebuah negara yang terkemuka di bidang pelajaran sekurang-kurangnya di rantau sebelah sini.

Tuan Yang Dipertua, walaupun pihak pimpinan Kerajaan sejak masa-masa kebelakangan ini selalu sahaja menyuarkan hasrat supaya rakyat Malaysia akan bertambah dewasa dan tidak lagi akan menjadi rakyat yang manja dengan bergantung kepada subsidi serta menjadi rakyat yang bertanggungjawab, membina nasib dirinya sendiri, masyarakat dan negaranya dengan dedikasi dan berdikari serta tahu mendahulukan manakah perkara yang mustahak didahulukan dan diberi keutamaan, tetapi di dalam Belanjawan yang disediakan bagi tahun 1984 manifestasi dari hasrat suci Kerajaan itu tidak begitu terpampang dengan nyatanya dan nilai-nilai keutamaan diberikan ke arah mencapai matlamat itu.

Sebagai buktinya, Tuan Yang Dipertua, ialah pengecualian dan penurunan duti import masih sahaja lagi diberikan kepada bahan-bahan hiburan dan dari segi susunan keutamaannya tidaklah begitu mendesak. Di dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang lalu, beliau menyatakan adalah dirasakan bahawa orang ramai dan terutamanya sekali institusi pelajaran akan dapat faedah dari penurunan duti import yang dikenakan ke atas perakam-perakam video dan tape-video. Kepada alat perakam video dikurangkan duti import kepada 15% sementara semua duti-duti ke atas tape-video dihapuskan. Meskipun demikian, saya sedar bahawa cukai jualan dan cukai tokok akan terus dikenakan ke atas perakam video.

Tuan Yang Dipertua, pengurangan duti import sebanyak 15% kepada alat perakam video dan penghapusan ke atas duti tape-video tentunya akan menurunkan harga barang-barang itu dalam pasaran terbuka yang seolah-olah boleh ditafsirkan pihak Kerajaan beranggapan bahawa alat perakam video dan tape-video itu merupakan salah satu bahan keperluan asasi bagi masyarakat kita dalam mengikuti arus perkembangan sains dan teknologi di zaman moden yang serba mencabar ini.

Adalah dibimbangkan bahawa di samping penagihan dan penyalahgunaan dadah yang mengancam masyarakat kita sekarang ini akan ditambah lagi dengan suatu penyakit baru iaitu meluasnya penyakit pita video yang lucuh dan "Blue Film" yang tentu sekali akan mempengaruhi mentality, sikap dan budi pekerja anggota-anggota masyarakat kita terutama di kalangan anak-anak muda yang diharapkan akan menjadi manusia yang berakhlak tinggi yang akan mengambilalih tugas pemimpin dan menyelamatkan negara kita pada masa yang akan datang.

Tidakkah pihak Kerajaan terfikir atau terlintas untuk menurun atau meringankan duti atau cukai eksais atau sebagainya atas salah satu bahan keperluan yang digunakan oleh hampir seluruh rakyat negara iaitu minyak petrol dan bahan-bahan yang berkaitan dengan soal-soal pengangkutan.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Adalah didapati bahawa kos perjalanan sama ada di dalam mahupun di luar negeri adalah bertambah tinggi kerana bahan-bahan yang digunakan untuk pengangkutan juga bertambah mahal dari tahun ke setahun. Sedangkan kita sekarang

termasuk dalam sebuah negara yang menghasilkan minyak petrol sendiri, tetapi malangnya, Tuan Yang Dipertua, harga yang dibayar atau terpaksa dibayar oleh rakyat jelata adalah tinggi. Dalam hal ini rakyat yang berpendapatan kecil pun tidak terkecuali. Jadi walau apa jua pun alasan yang akan diberi oleh pihak Kerajaan, maka Kerajaan adalah didesak dan dirayu supaya memberi perhatian berat kepada masalah yang berkaitan dan berhubungan langsung dengan penderitaan dan kesusahan rakyat.

Tuan Yang Dipertua, penurunan harga minyak yang agak berkesan dan melegakan perlu difikir dan dirancangan dan alangkah bahagiannya rakyat sekiranya dapat diberitahu berapa lamakah lagi langkah mengurangkan beban langsung seperti ini yang akan dijalankan dan bilakah rakyat akan menerima nikmat sikap timbang rasa pihak Kerajaan seperti ini. Adalah ketahu bahawa harga minyak di negara-negara maju dan sebahagian daripada negara-negara penghasil minyak dunia adalah lebih murah daripada harga minyak di negara kita.

Di samping itu Tuan Yang Dipertua, satu hal yang sangat perlu kiranya mendapat perhatian Kerajaan iaitu bahawa usaha-usaha ke arah pembaikan, penjimatan dan pemulihan akan bertambah mencapai faedah lagi sekiranya pihak Kerajaan dibantu oleh sesuatu jentera yang benar-benar berkesan tanpa memperkecilkan khidmat cemerlang dan pengorbanan yang dicurahkan oleh para pegawai di semua peringkat sebagai jentera pelaksana selama ini. Maka usaha untuk memperbaiki lagi rasa tanggungjawab sepertimana yang diarah oleh Rasulullah s.a.w. mengenai "prinsip tanggungjawab terhadap tugas" perlu kiranya dipergiatkan dengan lebih berkesan lagi.

Pada akhirnya diharap dan didoakan semoga segala hasrat baik yang telah dibutirkan di dalam ucapan Belanjawan kali ini akan menjadi kenyataan dan juga didoakan semoga prinsip menerapkan nilai-nilai Islam yang diamalkan sekarang hendaklah diteruskan sehingga kepada menjadikan Al-Quran dan Hadis itu dasar pemerintah negara akan terus diusahakan dan dilaksanakan dengan penuh tawakal kepada Allah, insya Allah.

Sekali lagi diucapkan tahniah dan selamat bertugas kepada para pemimpin dan pegawai-pegawai serta kakitangan-kakitangan Kerajaan yang telah berhasil mengendalikan perjalanan bahtera negara kita ini mengharungi arus dan badai walaupun gelombang besar yang melanda seluruh kawasan dunia berkat kebijaksanaan para pengendali pimpinan dan kerjasama semua pihak hanya tempias sahaja yang mercik masuk ke kawasan kita. Saya menyokong Anggaran Belanjawan 1984.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

*5.55 ptg.*

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus):** Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Saya bangun berserta untuk membahar Rang Undang-undang Perbekalan 1984 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan tempoh hari.

Dalam perbahasan belanjawan ini saya sendiri merasai banyak pengalaman yang saya dapati dari pandangan-pandangan yang telah diberi oleh rakan-rakan saya dari berbagai-bagai buah fikiran yang telah dikemukakan. Dengan itu pada saya sendiri di saat yang mulia ini ingin saya menyebut sedikit sebanyak mengenai

perkara yang telah banyak disebut oleh rakan-rakan saya iaitu dalam penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan.

Rasa saya manakala sahaja Kerajaan mengemukakan bahawa nilai-nilai Islam akan diterapkan di dalam pentadbiran Kerajaan, seluruh umat-umat Islam di Malaysia khususnya, amnya di seluruh dunia merasa kagum dan gembira sekali di atas apa yang telah diisytiharkan oleh pemerintah kita. Dengan itu, dengan perkataan dan simbol yang begitu elok dan bagusnya semoga hendaklah Kerajaan menerapkan ataupun menjalankan penerapan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran Kerajaan itu dengan ertikata yang sebenarnya. Sebab apa saya katakan begitu, banyak di antara perkara-perkara yang dilambungkan, tetapi kadang-kadang tidak tepat sebagaimana apa yang dikatakan. Misalnya pernah kita tengok di tempat-tempat "No Parking" tetapi didapati kereta penuh di bawah. Dengan demikian sekiranya Kerajaan menjalankan penerapan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran Kerajaan maka tidak syak lagi bahawa negeri kita akan tercapai lebih keamanan, lebih kemakmuran dan lebih kerediaan Allah s.w.t

Sampailah masanya sebab apa kini khasnya penduduk-penduduk rakyat Malaysia walaupun tidak lagi dikatakan mereka membelakangkan kepada agama ataupun tidak menghiraukan kepada agama, sungguhpun begitu, secara tidak langsung bahawa penduduk-penduduk rakyat Malaysia khasnya sudah mulai mereka tidak menyayangi agama, tidak menghormati agama. Dengan adanya penerapan-penerapan nilai-nilai Islam ini, dengan itu membawakan umat-umat Islam khasnya di Malaysia ini dan amnya kepada rakyat Malaysia keseluruhannya akan bertambah baik dan bagus kepada arah yang lebih diredai dan yang lebih

dipandang tinggi oleh umat di dunia ini.

Saya sebutkan tadi dengan ertikata yang sebenar bukanlah ertinya apabila kita mahu menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pemerintahan, bererti mesti orang-orang kerja pejabat mesti pakai telekung, bukan itu yang ditujui, iaitu yang paling penting sekali ialah kita tinggikan syiar Islam, Islam itu ialah agama yang maha tinggi, tetapi penganut-penganutnya mesti harmoni. Kerajaan hendaklah meneliti tentang ahli-ahli agama dan perkembangan agama yang ada dalam tanahair, kerana hari ini dalam kedudukan perkembangan agama Islam dalam negeri kita banyak kita dapati tidak seimbang pandangan-pandangan diberi oleh guru-guru, lain antara satu guru dengan satu guru. Pembawa-pembawa orang-orang belajar agama lain, dengan yang demikian termasuklah kepada pakaian, sehingga hari ini kita tengok keadaan umat-umat Islam yang ada di Malaysia ini sudah jadi kecamuk, seolah-olah tidak ada satu pegangan yang boleh mereka pegang bawalah kepada fatwa-fatwa, bawalah kepada fahaman-fahaman yang dimasuki kepada jiwa-jiwa dan akidah-akidah umat-umat Islam di dalam negeri ini, dengan yang demikian untuk seimbangkan kedudukan umat Islam yang ada di Malaysia ini sebagaimana umat-umat Islam yang ada di negara lain hendaklah Kerajaan bertanggung-jawab dengan bersungguh-sungguh pegang kepada ertikata menerap nilai-nilai Islam ke dalam pemerintahan itu, terutama sekali kepada pegawai-pegawai agama.

Kalau kita katakan Kerajaan mahu menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran, tetapi kita tengok kedudukan orang-orang, ahli-ahli agama tidak seimbang, misalannya kedudukan seorang Mufti. Dibeberapa banyak lagi negeri-negeri yang bahawasanya seorang Mufti itu

dilantik sebagai raja agama, seolah-olah dia adalah "raja agama", dalam sebuah negeri itu, kedudukannya, rumahnya, keretanya, tarafnya di mana di satu-satu majlis besar-besar kita jemput Mufti-mufti yang kita lantik sendiri yang diiktiraf oleh kita sendiri dan Kerajaan sendiri, kadang-kadang majlis itu ada tempat orang yang kenamaan duduk di atas, apabila kita persilakan Mufti kita baca doa memohon sesuatu ke hadirat Allah s.w.t di bawah situ dia baca doa. Allah yang memerhati, Allah yang melihat bagaimana seorang yang merayu kepadanya, yang kita sendiri anggap dia adalah sebagai seorang Mufti yang kita lantik dan iktiraf, apabila di satu-satu majlis di bawah dia ada lagi yang duduk di atas. Oh! kita katakan itu tidak perlu dalam soal duduk di atas, duduk di bawah, itu adalah namanya syiar Islam.

Syiar Islam ertinya takoh-tokoh Islam itu ada mempunyai kedudukan dalam segi mata ramai, itu erti syiar Islam. Orang-orang yang bukan Islam tidak perlu bimbang apabila sahaja Kerajaan mahu menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, itu adalah bertambah baik kepada orang-orang yang bukan Islam di dalam sebuah negara, sebab apa? Umat Islam sendiri ada mempunyai pegangan, umat Islam sendiri mempunyai pegangan Quran dan Hadis, Quran dan Hadis iaitu daripada Allah s.w.t., adalah diajar umat-umat Islam supaya bertimbangrasa kepada seluruh umat-umat tidak disuruhnya kepada umat Islam itu mengacau, menzalimi orang sama ada orang Islam atau orang bukan Islam. Di suruhnya bersifat keadilan yang sesungguhnya-sungguhnya sama ada orang Islam ataupun tidak Islam, maka sekiranya penerapan-penerapan Islam itu diterapkan sungguh-sungguh dalam pentadbiran, itu adalah menjadi lebih baik kepada orang-orang yang bukan Islam berada dalam sebuah negara itu. Islam

melarang umatnya daripada mengacau, Islam melarang umatnya daripada tidak bertimbangrasa, Islam diajari oleh Allah s.w.t.

Tuan Yang Dipertua, kita bersama sama dapat dengar sedikit firman Allah s.w.t. yang bermaksud Allah s.w.t. tidak melarang kamu daripada bersama-sama dengan orang-orang yang bukan Islam yang tidak mahu memerangi kamu, orang-orang yang bukan Islam yang mahu perang dengan kamu khasnya dalam urusan agama. Dan orang-orang yang bukan Islam yang tidak berangan-angan ataupun tidak bercadang mahu mengeluarkan kamu, menghalau kamu daripada negeri kamu, bahawa kamu hendaklah kamu bersikap adil, hendaklah kamu berbuat baik, hendaklah kamu bersama-sama bertimbangrasa, dan hendaklah kamu bersikap adil kepada mereka itu. Itu ajaran Allah s.w.t. dan dengan itu apabila kita dapat sesebuah negara yang berpegang teguh ataupun menerap nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran itu tidak lain, tidak bukan sudah tentu negeri itu akan tercapai keamanan yang betul-betul.

Kalau kita dapati sesebuah negara menzalimkan kepada orang bukan Islam, itu tidak mengamalkan hukum-hukum dalam Islam sejati. Nabi Muhammad s.a.w. sendiri menjadi contoh tauladan yang besar, bukan sahaja kepada umat Islam, akan tetapi Nabi Muhammad s.a.w. menjadi contoh kepada seluruh alam.

Dalam soal memeluk agama Islam, Islam tidak paksa suruh memeluk agama Islam, akan tetapi Islam suruh mencontohi Islam, sama ada yang bukan Islam ataupun bagi mereka yang tidak ada agama langsung.

Zaman pemerintahan Nabi Muhammad s.a.w. tidak Nabi Muhammad zalimkan kepada orang-orang yang bukan Islam. Pernah apabila isteri Nabi memasak sesuatu,

Nabi pernah ingatkan: Ya Aishah, masalah banyak sedikit kerana untuk jiran-jiran bersama, sedangkan jiran Rasullullah ketika itu bukan Islam. Apabila isterinya masak sesuatu diberinya kepada jiran-jiran yang bukan Islam. Dalam Mazhab Hanafi, orang-orang yang bukan Islam berada dalam negara Islam yang taat setia kepada negara itu, yang taat setia kepada pemerintah itu, maka dalam Mazhab Hanafi diharuskan keluar zakat fitrah. Sampai begitu sekali pertimbangan agama Islam terhadap orang-orang yang bukan Islam.

Yang demikian, sesuainya buat masa sekarang Kerajaan menerap nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran pemerintahan. Sebab apa? Kita tengok hari ini orang-orang Islam di Malaysia misalnya bukan macam dahulu lagi, darah mereka, semangat mereka, budi bahasa mereka, kelakuan mereka, pegangan mereka, kesemuanya hari ini sudah tidak macam dahulu lagi. Sekiranya tidak diterapkan nilai-nilai Islam adalah lebih bahaya kepada keamanan negara ini antara orang bukan Islam dengan Islam. Kerana apa? Tentu sekali kita semua baca sejarah. Dahulu kalau disebutkan orang Melayu, sebelum tahun 1940 dahulu kedudukan orang-orang Melayu kebanyakannya mereka suka menjadi samseng, menjadi jurusilat dan mengamalkan macam-macam ilmu yang boleh menjadi seorang hulubalang. Dengan adanya sedikit demi sedikit ajaran agama, pondok-pondok dibuka, pelajaran agama dimasukkan ke sekolah-sekolah membawakan ketenteraman umat-umat orang-orang Melayu boleh hingga kita dapat memerintah sebuah negara berbilang bangsa yang tidak ada dalam dunia seperti Malaysia ini. Dalam segi apa itu semua? Tak lain, tak bukan ialah dalam segi pegangannya orang-orang Islam ataupun orang Melayu kepada agama. Orang tua-tua kata jangan buat begini, tak baik, misalnya saya kata, hingga

sampai sekarang lagi daripada kesan-kesan Islam, daripada kesan-kesan agama ini.

Cuba kita tengok misalnya di sebuah kampung yang mempunyai semua orang-orang Cina, didapati tengah-tengah kampung orang Cina itu adakah pernah nampak satu kedai Melayu? Tak ada, tak jumpa di Malaysia ini. Akan tetapi berapa banyak kita tengok dalam sebuah kampung Melayu, desa Melayu ada kedai Cina sebuah sahaja ataupun dua buah. Adakah orang Melayu khianati? Tak ada. Ini beza. Ertinya orang-orang yang bukan Islam mesti memandang kedudukan bagaimana keadaan orang Melayu di dalam seluruh dunia ada seperti hati orang Melayu? Tidak akan dapat. Tidak akan dapat sedunia ini sebagaimana hati Melayu—tidak akan dapat dalam segi timbangrasa, dalam segi tolok ansur, bukannya ansur ke depan, ansur ke belakang, orang Melayu ansur ke belakang. Ini saya contohkan dapat difahami ataupun dapat diteliti oleh orang-orang yang bukan Islam.

Kita tengok negara Singapura. Singapura dilanggar todak, macam-macamlah kita tengok. Dalam sejarah hari ini kita tengok, iaitu dalam television hari ini kita tengok tiap-tiap malam ada laporan sejarah "Hari ini Dalam Sejarah", kita tengok bagaimana Pulau Singapura mula-mula bagaimana? Mula-mula siapa punya? Bagaimana? Cuba kita tengok hari ini kedudukan bagaimana? Ini kesemuanya daripada lembut dan timbangrasa orang-orang Melayu yang tidak ada di seluruh dunia dalam tentang timbangrasa.

Oleh itu supaya mengekalkan keamanan sebagaimana yang ada sekarang, saya harap kepada orang-orang yang bukan Islam tak usah sangat kita ungkit-ungkitkan apabila Kerajaan mahu menerapkan nilai Islam dalam pentadbiran dan

sebagainya. Sepatutnya orang-orang bukan Islam itulah berterima kasih, bukan itu hendak dibangkangnya, itu mesti diterima kasih kerana itulah mendatangkan keamanan hidup negara kita yang berbilang bangsa ini. Sekiranya tidak ada ini, menerap nilai-nilai Islam ini tidak diamalkan, kita tidak boleh hidup bahagia sebagaimana apa yang kita ada sekarang. Percayalah saya kata, sebab saya kata darah manusia tidak macam zaman dahulu, manusia hari ini tidak macam zaman dahulu. Maka tidak adalah sesuatu yang boleh meredakan mereka selain daripada agama kita Islam yang maha sucilah yang boleh meredakan, tak ada apa yang lebih daripada itu.

Kemudian saya suka sebut sedikit lagi dalam huraian menerap nilai-nilai Islam, iaitu selain daripada apa yang saya sebut tadi untuk memenuhi erti kata menerap nilai-nilai Islam ini, iaitu saya syorkan atau saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya samakan, timbulkan orang-orang agama ataupun ahli-ahli agama Islam kepada taraf yang agak seimbang dengan taraf pegawai-pegawai dan kedudukan yang lain-lain di negara ini. Sebab saya kata begitu, pernah kita tengok perbezaan antara Kadi dengan Majistret. Kadi ini cakap Arab, cakap Melayu kata Hakim. Majistret itu cakap orang putih—Hakimlah. Beza dua Hakim ini; Hakim kita panggil Majistret dengan Kadi ini jauh sangat beza, bukan jauh beza kaki tiga, telinga empat—bukan, kedudukan jauh beza sangat. Tengok pada kereta, ini kereta Majistret, ini kereta Kadi: Oi, sudah jauh. Tuan belum tengok lagi, tengok kereta sahaja sudah jauh beza. Gaji, elaun, jauh beza. Pejabat, kita masuk ke pejabat Majistret bergaya, bagus, adalah bau harumnya itu. Masuk pejabat Kadi, nauzubillah. Fasal apa? Punya hodohnya meja berkarat, permaidani jauh sekali. Maka apabila

ditengok dalam suratkhbar, apabila kita tengok keadaan pemerintahan negara kita agama Islam agama rasmi penerapan Islam di dalam pentadbiran Kerajaan, bagaimana kalau sekiranya ahli-ahli agama ini berselekeh, bagaimana? Inikah penerapan? Maka ini penerapan yang betul-betul.

Kita tengok negara-negara seperti Saudi Arabia satu contoh tauladan yang besar, tidak disebut langsung mahu penerapan Islam dan sebagainya, tidak ada langsung, tetapi kita tengok imam-imam mereka pakai bagaimana. Imam Masjidil Haram pakai kereta yang belum dipakai oleh orang-orang lain. Imam Masjid Madinah pakai kereta yang belum dipakai oleh orang lain. Maka kita di sini bagaimana. Jauh sekali. Kadangkang inilah yang kita hendak betulkan sedikit, sebab ini belanjanya tidak begitu banyak, tidak payahlah ertinya kita berhutang wang daripada luar negeri kerana peruntukan ini tak ada, maka perkara yang kecil-kecil inilah mahu ditarafkan, barulah benar ertikata penerapan Islam di dalam pentadbiran. Maka sekarang kita tengok. Kita sedar, Kerajaan sedar, kita sama-sama sedar keadaan dalam negara kita kecuh tentang perpecahan umat Islam di dalam negara kita. Tentang apa? Tentang ini semua. Ada pun tentang sembelih tak boleh makan, tentang kafir-mengkafir itu adalah perkara yang dibuat-buat oleh orang jahil-jahil sahaja. Yang sebenarnya itu tidak jadi melarat. Kita betulkan perkara-perkara yang seumpama ini, kerana apa? Kerana kata-kata orang-orang yang bercenderung kepada ini, apa katanya?

Kita mesti memerintah secara Islam supaya orang Islam suruh tengok boleh pakai begitu, supaya orang Islam kedudukan tinggi, supaya begitu, supaya begini, itu maksudnya tetapi kalau sekiranya dalam

pemerintahan kita yang ada sekarang, kita tinggikan taraf-taraf orang Islam ini, apa modal yang dipermodalkan untuk mempengaruhi orang yang jahil di kampung-kampung, tidak ada modal lagi. Inilah sebabnya. Maka dengan sebab inilah wahai . . . . .

**Tuan Yang Dipertua:** Wahai siapa? (*Ketawa*)

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Dengan ini, saya rasa sangat berterima kasih kepada Tuan Yang Dipertua, sebab membenarkan saya bercakap panjang sedikit, agaknya tidak ada yang lain . . . . .

**Tuan Yang Dipertua:** Lebih daripada 20 minit, saya biarkan, sebab saya pun seronok (*Ketawa*).

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Jadi, rasa saya kita sambung sampai 6.30lah.

**Tuan Yang Dipertua:** Ya, boleh, silakan. (*Tepuk*)

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Sekarang sukacita saya menyebutkan sedikit tentang nilai-nilai Islam juga tetapi aliran lain sedikit.

Apabila kita sebut Islam ertinya sangat luas. Nilai-nilai Islam sangat luas. Satu daripadanya membasmi kemiskinan dan kefakiran. Itupun nilai Islam. Itu yang utama sekali. Dalam soal pakaian, umpama kata yang pakai seluar pendek supaya dipanjangkan pakaian. Itu sudah pucuk-pucuk, yang pokoknya ini dia. Kenapa yang pakai seluar pendek supaya dipanjangkan. Dalam soal umpama dosa, katalah dosa pakai seluar pendek sebanyak mana? Sedikit sahaja, halus sahaja. Ambil air sembahyang hilang. Itu dosa kecil, bukan dosa besar. Tanya ulamak mana-mana pun pakai seluar pendek, dosa besar atau dosa kecil. Dosa kecil.

Dosa kecil. Bagaimana untuk menghilangkan dosa kecil itu? Dengan buat baik. Buat baik hilang dosa kecil. Ambil air sembahyang, hilang dosa kecil. Maka penerapan nilai-nilai Islam yang paling penting sekali ialah menjaga kehidupan rakyat supaya ia jangan lapar. Bagaimana rakyat kita jangan lapar, bagaimana rakyat kita boleh hidup sebagaimana orang-orang yang hidup di negara-negara yang boleh hidup dengan istimewa kehidupan mereka.

Dengan yang demikian, saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengadakan dua projek yang besar itu projek ke arah perindustrian dan kepada pertanian. Dua perkara ini. Itu yang terbesar sekali sepatutnya, pertanian dengan perindustrian, kerana dua perkara inilah yang menjadi konkrit kepada sesebuah negara itu untuk jadi tegak. Kita yang ada sekarang sebenarnya tidak tegak, konkrit tidak kuat. Umpamanya negeri perang, dunia perang. Jadi apabila perang barang-barang mahal, rasa saya kalau dunia ini perang selama setahun, setahun setengah, rakyat Malaysia harus lapar. Beras tak boleh masuk, gula tak boleh masuk—lapar, walaupun jalan raya seperti cermin tetapi kalau perut lapar tak nampak macam cermin. Walaupun motokar besar, perut lapar, tak ada harganya. Kita dapati amat dukacita kalau kita fikirkan sepiantas lalu.

Negara kita banyak tanah-tanah yang boleh dicucuk tanam seperti tanah sawah—banyak, tetapi kita masih beli beras dari negara-negara lain. Kita masih tak cukup beras, kita banyak tanah-tanah yang kita boleh tanam bermacam-macam tanaman seperti tebu tetapi kita tak cukup gula, kita beli gula dari negara lain. Negeri kita negeri banyak air, banyak sungai, banyak gunung-gunung tetapi rakyat ada setengah tempat masih hidup dengan air catu—orang Terengganu kata air catu. Air catuan seperti

daripada Muar hendak pergi ke Batu Pahat dan sebagainya kita tengok bergelimpangan tin-tin, tempayan-tempayan tunggu air daripada Jabatan Kerja Raya untuk mendapatkannya. Keadaan yang seperti ini lebih daripada padang pasir lagi (*Tepuk*) Negara padang pasir seperti Saudi Arabia hari ini tidak sangat menadah air seperti itu. Ini tidakkah memalukan kita? Negara kita sungai banyak, negara kita gunung banyak, negara kita hujan banyak tetapi kenapa rakyat masih menadah air lagi sedangkan kemerdekaan sudah 25 tahun. Ini hendak dipersoalkan. Sebelum kita persoalkan jalan raya seperti cermin, soalkan dalam soal ini dahulu supaya rakyat senang dapat air, supaya rakyat senang makan, supaya rakyat senang hidup dalam segi hendak isi perut dan kehidupan sehari-hari sebelum daripada kita fikirkan yang lain-lain.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** (*Bangun*).

**Tuan Yang Dipertua:** Minta jalan?

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang Dipertua, minta jalan

**Tuan Yang Dipertua:** Sila duduk dahulu!

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Saya ingin bertanya kawasan-kawasan mana yang bercatu air tadi. Tepi jalan

raya atau jauh ke dalam. Kawasan Yang Berhormat yang mana satu?

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang Dipertua, saya tidak dapat tahu kawasan itu kawasan siapa. Sebenarnya apabila saya lalu, sebab negeri Johor itu luas, jadi Ahli-ahli Parlimen ramai, jadi saya tidak dapat tahulah kawasan siapa yang sebenarnya sebab apa? Sebab yang saya tidak tanya kawasan siapa itu takut apabila saya tanya kawasan siapa itu kononnya macam saya hendak berjumpa dia, hendak cakap apa-apa. Jadi, sebab itulah saya tak jumpa. Oleh yang demikian, tak usahlah kita fikirkan kawasan siapa tetapi kita fikirkan adakah berlaku perkara itu. Apabila ada, menjadi tanggungjawab bukan Ahli Yang Berhormat dari kawasan itu tetapi menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan yang memerintah negara ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Terima kasih (*Tepuk*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*